



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK ZULKIFLI BIN ISMAIL  
PERJALANAN SEORANG TOKOH SENI LAKONAN**

**DISEDIAKAN OLEH:**

<b>ALIES SAFRAA BINTI AZIZUL</b>	<b>2021121395</b>
<b>NUR NAJIHAH SOLIHAN BINTI CHE GI</b>	<b>2021127759</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK ZULKIFLI BIN ISMAIL  
PERJALANAN SEORANG TOKOH SENI LAKONAN

**DISEDIAKAN OLEH:**

ALIES SAFRAA BINTI AZIZUL	2021121395
NUR NAJIAH SOLIHAN BINTI CHE GI	2021127759

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

# PENGHARGAAN

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim,

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah dan limpah kurniaNya diberikan tenaga dan dipanjangkan kudrat bersama-sama rakan seperjuangan untuk menyiapkan tugas berkumpulan bagi kod IMR604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan) ini dengan sempurna. Alhamdulillah, syukur dengan berkat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya memberi kami kekuatan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan ini.

Di kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa binti Abdullah yang sentiasa sabar memberi tunjuk ajar dan membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Beliau telah banyak membantu sepanjang proses ini dijalankan. Tidak dilupakan juga kepada Encik Zulkifli bin Ismail yang sudi meluangkan masa bersama kami untuk melakukan temu bual ini meskipun dengan jadualnya yang padat. Sebesar-besar penghargaan diberikan kepada beliau atas kesudiannya melayan kami tanpa mengharapkan balasan demi menjayakan sejarah lisan ini.

Tidak dilupakan juga, kami juga ingin berterima kasih kepada ahli keluarga, rakan sekelas dan kenalan yang membantu kami secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugas ini.

Sekian, terima kasih.

# ISI KANDUNGAN

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN .....	I
ISI KANDUNGAN.....	III
ABSTRAK .....	VI
SENARAI ABBREVIASI.....	IX
RUJUKAN KATA .....	X
BIODATA PENEMUBUAL .....	XIII
BIODATA PENEMUBUAL 1 .....	XIV
BIODATA PENEMUBUAL 2 .....	XV
BIODATA TOKOH.....	XVI
BIODATA TOKOH .....	XVII
Pengenalan.....	1
Transkrip.....	3
BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG SENIMAN .....	5
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN.....	11
BAHAGIAN 3 : PERTANDINGAN .....	28
BAHAGIAN 4: FILEM ATAU DRAMA .....	39
RUJUKAN .....	49
LAMPIRAN .....	51
LAMPIRAN 1 — LOG WAWANCARA .....	52
LAMPIRAN 2 — DIARI KAJIAN.....	59

LAMPIRAN 3 — SENARAI SOALAN .....	59
LAMPIRAN 4 — PERJANJIAN SEJARAH LISAN .....	69
LAMPIRAN 5 — GAMBAR.....	70
INDEKS .....	72

# ABSTRAK



## ABSTRAK

*Abstrak:* Transkrip ini memberi focus kepada pengalaman serta perjalanan seorang artis seni tanah air yang memulakan kerjayanya sebagai pelakon dan kini juga masih dikenali sebagai artis veteran kerana sudah terlibat dalam bidang lakonan tersebut hampir 40 tahun sejak tahun 1983. Beliau merupakan salah seorang artis seni yang dikenali ramai kerana watak yang pernah dibawanya suatu ketika dahulu sangat memberi kesan dan menarik perhatian ramai penonton pada Ketika itu. Pelbagai jenis genre lakonan yang beliau boleh bawakan serta menyebabkan beliau masih boleh kekal bertahan dalam industri tanah air ini. Selain itu, kajian temubual ini dijalankan ada bertujuan untuk menyelidik sedikit sebanyak tentang latar belakang dan penceritaan kisah beliau dari mula penglibatan dalam industry seni sehinggalah sekarang. Dapatkan kajian yang dijalankan adalah sepenuhnya diperolehi daripada sumber lisan oleh Encik Zulkifli sendiri. Implikasi kajian adalah lebih cenderung kepada pelajar serta anak seni yang sedia ada, dan para pengkaji. Berharap agar hasil kajian yang telah dilakukan ini mampu menjadi sumbangan literasi ilmiah yang bermanfaat untuk digunakan dalam kajian ilmiah serta bahan rujukan bagi individu, kumpulan dan badan organisasi tertentu.

*Kata kunci:* seni lakonan, Implikasi, industri tanah air

## *ABSTRACT*

*Abstract: This transcript focuses on the experience and journey of a native artist who started his career as an actor and is still known as a veteran artist because he has been involved in the field of acting for almost 40 years since 1983. He is one of the well-known artists many because the character he once played had a great impact and attracted the attention of many viewers at that time. Various types of acting genres that he can bring and cause him to still survive in the industry of this country. In addition, this interview study was conducted with the aim of researching to some extent about his background and telling his story from the beginning of his involvement in the art industry until now. The findings of the study were completely obtained from oral sources by Mr. Zulkifli himself. The implications of the study are more likely to students and existing art students, and the researchers. It is hoped that the results of this study will be able to contribute to scientific literacy that is useful for use in scientific studies as well as reference material for certain individuals, groups and organizations.*

*Keywords: acting art, Implications, homeland industry*

## SENARAI ABBREVIASI

ABBREVIASI	MAKSUD
APEL	Accreditation of Prior Experiential Learning
KL	Kuala Lumpur
MQA	Malaysia Qualification Agency/ Agensi Kelayakan Malaysia
NGO	Non-Governmental Organization/ Pertubuhan Bukan Kerajaan
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PHD	Doctor Of Philosophy / Doktor Falsafah
RTM	Radio Televisyen Malaysia
STAR	Sekolah Tuanku Abdul Rahman
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
SOP	Standard Operating Procedure/ Tatacara pengendalian Piawai

# RUJUKAN KATA

## RUJUKAN KATA

DIALEK	MAKSUD
Ambo	Saya
Continuity	Kesinambungan
Demo	Awak
Dubbing	Alih suara
Freelance	Bebas
Grab	Kereta Tumpangan
Graduate	Graduan
Hang	Kau
Handphone	Telefon bimbit
Homework	Kerja rumah
Highlight	Penyerlah
Interview	Temuduga
Jumpe	Jumpa
Job	Kerja
Join	Sertai
Kalaka	Dialek
Kamek	Saya
Kecek	Cakap
Kelate	Kelantan
Kot	Mungkin
Limit	Had
Lighting	Pencahayaannya
Ngam	Sepadan

Nyah	Pergi /Berambus
Observed	Memerhati
Ore	Orang
Percent	Peratus
Profile	Profil
Pincang	Tempang / Kekurangan
Saing	Kawan
Start	Mula
Shooting	Penggambaran
Viral	Tular

# **BIODATA PENEMUBUAL**

## BIODATA PENEMUBUAL 1



<b>NAMA</b>	Nur Najihah Solihah Binti Che Gi
<b>TARIKH LAHIR</b>	
<b>TEMPAT LAHIR</b>	Kota baru, Kelantan
<b>ALAMAT</b>	Kelantan
<b>NO. TELEFON</b>	
<b>EMEL</b>	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)
<b>PROGRAM</b>	



## BIODATA PENEMUBUAL 2



<b>NAMA</b>	Alies Safraa Binti Azizul
<b>TARIKH LAHIR</b>	
<b>TEMPAT LAHIR</b>	Kangar, Perlis
<b>ALAMAT</b>	
<b>NO. TELEFON</b>	
<b>EMEL</b>	
<b>PROGRAM</b>	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

# BIODATA TOKOH

## BIODATA TOKOH



BIODATA RINGKAS  
ENCIK ZULKIFLI BIN ISMAIL  
PERJALANAN SEORANG TOKOH SENI LAKONAN

<b>NAMA</b>	Zulkifli Binti Ismail
<b>TARIKH LAHIR</b>	April
<b>TEMPAT LAHIR</b>	Kedah
<b>ALAMAT</b>	Kuala Lumpur
<b>NO. TELEFON</b>	
<b>EMEL</b>	
<b>PROFESION</b>	Pelakon dan wartawan
<b>BIDANG</b>	Lakonan

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Perjalanan seorang tokoh seni lakonan ini iaitu bernama Encik Zulkifli Ismail amatlah berharga dan dapat dicontohi kepada masyarakat di luar sana asbab perjalanan beliau untuk berada di tahap dia yang sekarang amatlah tidak mudah. Beliau yang dilahirkan pada tahun 1963 bersamaan dengan 26 April berasal daripada Perlis. Beliau dari kecil mempunyai minat yang mendalam tentang bahasa dan sejarah sehingga ke hari ini minat beliau masih mekar dan tidak pernah hilang. Encik Zulkifli seorang yang sangat sukakan ilmu sehingga beliau mempunyai hasrat untuk melanjutkan pelajarannya ketika beliau sudah berehat dalam bidang lakonan. Ini adalah kerana beliau ingin mencari ilmu yang berbeza-beza bagi mengasahkan lagi pemikiran beliau.

Encik Zulkifli tidaklah terus memulakan kerjaya beliau dalam bidang lakonan sejeurus habis belajar tetapi beliau memulakan kehidupannya dengan menjadi seorang wartawan di usia muda dan bekerja di RTM selama beberapa tahun. Setelah itu, beliau menyambung pengajian buat sementara waktu sehingga beliau ditawarkan untuk menjadi seorang pelakon tambahan namun disebabkan bakat yang beliau ada tentang lakonan dan cara beliau menyampaikan watak yang diarahkan amatlah bagus, beliau ditawarkan untuk menjadi pelakon utama. Pada tahun 80-an, beliau telah berada di dalam industri seni dan telah melakonkan pelbagai watak yang berbeza-beza dan beliau mampu menjiwai watak yang diberikan dengan jayanya.

Seterusnya, Encik Zulkifli juga terkenal menerusi watak ASP Razlan dalam siri Gerak Khas di mana beliau membintanginya selama 10 tahun. Beliau juga banyak membintangi drama, filem, telefilem dan tidak lupa juga, beliau pernah menyertai teater dari zaman sekolah hingga universiti kerana itu adalah merupakan salah satu hobi dan minat beliau tentang bidang lakonan ini. Terdapat banyak drama yang telah dilakonkan oleh Encik Zulkifli, antara drama dan filem yang membuatkan nama Encik Zulkifli ini dikenali ramai antaranya 7 hari mencintaiku, Andai itu Takdirnya dan juga Yaasin. Beliau seorang yang amat peramah dan juga bersopan santun walaupun di belakang tabir. Kajian ini dilakukan untuk mencungkil lagi watak peribadi encik zulkifli dan juga ingin berkongsi rahsia kejayaan beliau untuk mencapai tahap ini. Hasil daripada kajian ini dapat kita kongsi kepada anak-anak muda yang ingin menceburi bidang seni lakonan mendapat sedikit sebanyak pengetahuan tentang bidang ini.

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni lakonan. Bersama-sama kami ialah Tuan Zulkifli Ismail yang merupakan seorang pelakon dari tahun 1983 sehingga kini. Rakaman ini dijalankan pada Tarikh 27 Mei 2023 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 10 pagi bertempat di Taman Saujana Impian, Kajang. Temubual ini dikendalikan oleh Alies Safraa Binti Azizul dan Nur Najihah Solihah Binti Che Gi. Sebelum itu, ingin kami tekankan bahawa fokus soalan kami akan lebih menjerus kepada latar belakang, Pendidikan dalam bidang lakonan, anugerah dan sumbangan, harapan dan pendapat Tuan Zulkifli Ismail. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

PETUNJUK
AS: ALIES SAFRAA
ZI: ZULKIFLI ISMAIL
NJ: NUR NAJIHAH

## BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG SENIMAN

AS :Bolehkah encik nyatakan nama penuh encik?

ZI :Nama penuh saya Zulkifli bin Ismail

AS :Adakah encik mempunyai nama samaran dalam kalangan keluarga atau rakan-rakan?

ZI :aaaa saya dipanggil Zul lah, biasanya dipanggil Zul tidak ada panggilan lain. Cuma dalam kalangan [berdehem] rakan-rakan tu tengok dimana,oleh kerana drama pertama saya judulnya basikalku, jadi ada yang panggil saya Zul basikal, kawan-kawan yang tengok drama tu dia panggil Zul basikal. Lepastu saya pernah jadi pengacara “Selamat Pagi Malaysia” ada orang panggil saya Zul spm “Selamat Pagi Malaysia”, Lainnya takde lah (tiada) lain yang khusus lah aaaaa(berfikir) semasa saya bekerja di...sebagai wartawan di Utusan Melayu, Utusan Malaysia...masa tu ada gelaran istimewa masa tu..diorang panggil saya *Mr. Butterfly* (ketawa) itu nanti saya cerita kemudian. Selain dari itu saya juga pernah menulis ,saya menulis puisi. Ada dua nama samaran yang saya gunakan untuk puisi ,saya pakai nama “*arjuna setia*”sekarang saya duduk taman aaaa Jalan Impian Setia.. aaaaa(bernada) dan suatu hari saya guna nama Zul Isma saya ambil aaaaaa (bunyi konsonan) (Z U L) (dijelaskan dalam ejaan) dengan Isma nama bapak saya, saya cuma tambah Zul (disebut dalam ejaan) tu nama saya gunakan untuk menulis pada waktu saya sekolah-sekolah dulu aaaaa tu jelah:



**AS :Bilakah tarikh lahir encik?**

ZI :Saya dilahirkan pada *dua puluh enam* [26] April *sembilan belas enam puluh tiga* [1963], sekarang ni umur saya *enam puluh tahun* [60] (aaaa) *dua puluh tujuh* hari [27] eh...aaaa tiga puluh satu [31] hari, *enam puluh tahun* [60] sebulan *satu* [1] hari (ketawa).

**AS :Dimanakah tempat kelahiran encik?**

ZI :Saya dilahirkan disebuah kampung yang disebut sebagai Kampung Permatang Gunung ataupun setengah orang sebut Kampung Sematang Gunung sebuah kampung dalam daerah Kota Setar di Kedah. Bapak (bapa) saya orang Gunung, mak saya orang Kampung Permatang tu, jadi saya lahir di rumah arwah atok sebelah mak Gunung, Gunung di Kedah tau bukan Gunung di Kelate [kelantan] (ketawa), Kelate [kelantan] pun ada Gunung jugak (ketawa). Saya Sekolah Gunung,saya kaia eh ada saing [kawan] saya ore[orang] kelate [kelantan] kata “eh Sekolah Gunung?”(percakapan bersama rakan) “ambo [saya] pun Sekolah Gunung jugak” demo [awak] Sekolah Gunung Kelate [kelantan], saya Sekolah Gunung di Kedah.

**NNS :Encik boleh cakap Kelantan?**

ZI :Boleh sikit-sikit(ketawa), bila berada dalam bidang seni ni ... kita bercampur kan , *jumpe* [jumpa] ore [orang] *kelate* kita *kecek* [cakap] *kelate*, jumpa orang Sarawak ...” *kamek* [saya] *kalaka* [dialek] Sarawak . Tapi kampung saya Kedah lah.

AS :Dengan siapa encik menetap sekarang?

ZI :Sekarang saya menetap dengan isteri dan anak saya yang nombor *dua* [2].

AS :Pada tahun bilakah encik mendirikan rumah tangga?

ZI :Tahun ...aaaa tahun *sembilan belas sembilan puluh satu* [1991]

AS :Boleh saya tahu apa nama isteri encik?

ZI :Ummi Salbiah Binti Abdul Rahman

AS :Apakah pekerjaan isteri encik?

ZI :Guru...cikgu sekolah.

NNS :Sekolah dimana?

ZI :Buat masa ni di Sekolah Menengah Kebangsaan Rinching, SMK Bandar Rinching. Sebelum ni lama di sekolah menengah SMK Cheras aaa tu lamalah, dia lepas grad[tamat belajar], terus kat sekolah tu lama sangat sampailah oleh kerana saya beli rumah kat sini jadi kita minta tukar sekolah yang dekat kawasan sini lah.

NNS :Encik ada menyewa?

ZI :Ya memang saya menyewa rumah di Cheras tu lama, lagi satu dan beberapa ekor kucing ya tanya saya tinggal dengan siapa kan (ketawa)

AS :Berapakah bilangan adik beradik encik, dan encik anak yang ke berapa?

ZI :Okay,okay...(nada sedih). Soalan yang paling susah saya jawab sejak dulu sampai sekarang, soalan ada berapa adik beradik soalan yang paling susah nak jawab. Dulu saya susah nak jawab saya menangis tapi sekarang saya tak nangis la cuma susah nak jawab sebab kalau nak diikutkan yang satu mak satu ayah, saya sorang je, selepas mak dan ayah saya berpisah ...kahwin semula ...mak saya ada tiga anak ayah saya ada tiga anak. Saya ada enam adik tapi aaaa mereka takde(tiada) kena mengena , saya je (sahaja) [ketawa]. Nak cakap dari perkahwinan mak dan ayah saya, saya sorang [seorang] je [sahaja].

AS :Boleh saya tahu pada masa lapang, aktiviti apa yang encik lakukan untuk mengisi masa lapang?

ZI :Saya suka membaca..kalau dapat tengok ,nanti saya tengok ada *library* [perpustakaan] kecil (ketawa kecil). Saya akan aaaa kalau saya jumpa buku yang menarik saya akan beli, simpan ada masa lapang saya akan baca , sinilah tempat saya (menunjukkan tempat) duduk ,petang-petang santai baca selain melayan apa kata orang media sosial lah , melayan *Tiktok* ,*Instagram* dan sebagainya.

AS :Bolehkah encik cerita sedikit mengenai cara didikan encik kepada anak-anak encik?

ZI : Saya memang mementingkan pendidikan, saya mementingkan pelajaran. Macam anak-anak saya , errr selagi mereka nak belajar, terserah dan saya tidak ada *limit* [had] untuk belajar. Alhamdulillah anak sulung saya dapat grad PHD masa umur *dua puluh lapan* [28] tahun, memang muda lah... muda, walaupun ada yang lebih muda tapi dia target nak dapat sebelum *tiga puluh* [30] dia dapat tu masa masih umur *dua puluh lapan* [28] lah , tapi oleh kerana PKP konvonya tu lewat sikit aaaaa maksudnya selagi dia nak belajar, belajar so

[jadi] saya cakap macam tu je kalau nak kahwin bagitau nak kahwin, nak belajar bagitau nak belajar , nak kerja bagitau nak kerja. Anak saya kedua pun dapat grad degree, tanya dia kalau nak sambung master..sambung takde masalah sambung je, saya carilah duit untuk (ketawa) diorang nak belajar kalau dia nak kerja, kerja saya tidak ada halangan tapi selagi ada peluang belajar teruskan , belajarlal walaupun dah kerja masih boleh belajar , belajar ni tak semestinya secara formal dalam universiti ,belajar boleh juga macam-macam cara aaaa contohnya, lepas habis *degree* [ijazah], diploma kerja..lepastu minat sesuatu perkara, boleh dengan pembacaan, mula dengan.. katakan minat seni boleh juga baca buku-buku tentang seni boleh jumpa orang seni..dapat ilmu secara tidak formal pon boleh . Tapi saya macam tu[itu] lah, anak saya,saya memang pentingkan aaa diorang(mereka) masa sekolah rendah balik, walaupun saya sibuk tapi kalau ada masa saya akan pastikan homework [ulangkaji] dah buat, bila nak kene(kena) hantar buat...pastikan benda tu diorang buat dengan baik.

**AS :Apakah cita-cita encik semasa kecil sebelum menjadi seorang pelakon?**

**ZI :**Cita-cita yeee... kalau diikutkan ...aaaa(fikir) dalam borang 001,002 kat sekolah tu saya rasa saya..apa namanya “aaahh duduk dah” [menegur cameraman sambil ketawa], saya...rasa mungkin saya letak nak jadi cikgu kot, mungkinlah, mungkin nak jadi guru agaknya saya pun tak berapa ingat ,tapi yang saya nak jadi aaaaa tak terlintas nak jadi orang seni pun, saya lebih kepada nak menulis saya minat nak menulis, saya nak jadi seorang penulis, aa itu cita-cita saya ,jadi bila saya baca tu saya fikir alamak “aku pun nak menulis la macam ni yang hebat macam ni”aaaa macam bidang seni ni takde lah saya terfikir sangat.

AS :Apakah salah satu ungkapan nasihat yang selalu terukir di bibir kedua ibubapa kepada encik?

ZI :Solat jangan tinggal, itu antaranya lah solat jangan tinggal ,kalau kita jaga solat, solat jaga kita itu antara nenek saya selalu sebut, aaaa dia kata “hang jaga solat, solat jaga hang” (pesanan arwah nenek nya) lama juga saya duk terfikir, bila lama-lama saya fikir, betulah bila aaaa kita jaga solat, solat akan jaga kita balik betul yang itu memang betul sebab apa nama solat itu mencegah dari kemungkaran kan.

- TAMAT BAHAGIAN SATU -

## BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

**AS :Dimanakah encik melanjutkan pelajaran semasa di sekolah rendah?**

**ZI :** Masa saya sekolah rendah saya bernama asalnya ,nama asal dia Sekolah Rendah Inggeris Gunung ataupun orang kampung panggil sekolah orang putih, Sekolah Rendah Inggeris Gunung. Tapi apabila, masa tu kita ada lagi Sekolah Aliran Inggeris, di Sekolah Aliran Inggeris, dekat situ ada dua ,satu sekolah melayu satu sekolah orang putih, yang ni SK yang ni sebenarnya dia sekolah rendah jenis kebangsaan inggeris ,lepastu bila aliran inggeris itu dimansuhkan dalam tahun *tujuh puluhan* [1970] tak ingat tahun berapa dua-dua jadi SK, cuma yang ni yang sekolah rendah inggeris ni saya ingat lagi saya darjah *lima* [5] ke darjah *enam* [6] cikgu minta cadangan “ada tak sape-sape ada cadangan nak namakan sekolah kita, sekolah ape, sebab taknak bagi nama SK Gunung ,SK Gunung dah ade sebelah, sekolah kebangsaan gunung, SRK gunung” (pertanyaan guru beliau kepada pelajar). Jadi satu kawan saya, saya ingat lagi , dia bangun, “cikgu, kita ringkaskan Sekolah rendah inggeris jadi S-R-I [ejaan] sri.. lepastu sekolah tu dinamakan Sri Gunung, Sri Gunung Sekolah Rendah Inggeris tu, SRI tu maksud apa, Sekolah Rendah Inggeris..Gunung . Itu sekolah rendah saya , bila sekolah menengah ,saya aaaa (berfikir) balik ke sekolah menengah dekat...dekat kampung nak sebut semua sekolah ke?

**AS :Boleh juga**

**ZI :** Saya balik ke sekolah dekat-dekat dengan kampung sebab kampung tu agak jauh kena naik bas ,kena naik van situ takde [tiada] *grab* [kereta tumpangan], selalu juga saya terlepas bas, saya sampai lewat, pernah sekali saya sampai sekolah kawan-kawan semua gelak..terkejut sebab cikgu pergi cari saya kat rumah sebab saya tak sampai, cikgu Aziz ke

tak silap nama cikgu tu,saya sampai tengok-tengok diorang [mereka] cakap “Cikgu Aziz pi cari hang kat rumah” (kata kawannya kepada beliau). Lambat ada masalah apa semua,jadi saya sekolah di Sekolah Menengah Alor Janggus, Sekolah Menengah Alor Janggus dekat dengan rumahlah, saya naik basikal je pergi. Sampai tingkatan tiga [3] ,pastu saya pergi ke Sekolah Tunku Abdul Rahman ataupun STAR ,di ..bukan STAR di Ipoh, STAR di Alor Setar, awak ingat STAR di Ipoh, STAR di Alor Setar ...Sekolah STAR tu tingkatan *empat* [4] dan tingkatan *lima* [5] aaa lepastu tingkatan *enam* [6] saya masuk Sekolah Menengah Dato Syed Omar . Okay..SPM saya kurang bagus, jadi saya tak layak untuk masuk tingkatan *enam* [6], saya masuk ke sekolah swasta, nama sekolah swasta tu Akademi Utama, saya masuk sekolah tu.. tingkatan enam rendah dan saya ambik masa tu ada *STPM* dipanggil *part six* [6] (sijil sebahagian) tu maknanya sijil sebahagian laa dia tanya berapa subjek ambil dapat, saya lulus dan layak masuk ke tingkatan enam [6] sekolah kerajaan jadi tingkatan enam [6] atas di Sekolah Menengah Dato Syed Omar.Lepastu saya bekerja...saya bekerja...saya masuk saya bekerja di *Utusan Melayu* sebagai wartawan, saya berhenti jadi wartawan ,saya berlakon. Semasa dalam lakon tu, aaaaaa (berfikir) pengarah selalu marah saya ,”kau kene banyak belajar lagi lah,kau bakat ade ilmu takde” kau kene ni lagi (kata pengarah kepada beliau), dia mencabar saya ,saya pun masuk *USM*, masa tu ada satu program dinamakan sijil seni kreatif , sijil seni kreatif tu...sekarang dah takde(tiada) .sekarang dah takde [tiada]. Sijil seni kreatif tu saya masuk untuk mendapatkan sijil, okay,bukan diploma bukan *degree* [ijazah] bukan ijazah....[nada panjang] sijil....[nada panjang] tapi sijil pun, oleh kerana pengajiannya tu kena ambil *paper* [peperiksaan] salah satu, 003 (sijil), semua kene ambil ape semua... jadi ammm [berfikir] sijil tu agak mahal lah, masa itu sijil tu agak mahal walaupun, maksudnya mahal nilai dia

lah, walaupun ia hanyalah sebuah sijil kan...sekeping sijil. Habis tu, ditawarkan untuk buat *degree* [ijazah], ditawarkan untuk buat ijazah, masa tu saya membuat satu kesilapan....saya tak sambung...saya tak sambung...memang....tahun *lapan puluh enam*[1986] ,tahun *lapan puluh tujuh* [1987] saya tak sambung, yang sambung....sampai *degree* [ijazah] *dah* [sudah] sambung lagi sampai *master, PHD* pon ade tapi sayang saya tak sambung...sebab saya dah pernah bekerja..saya dah pernah *shooting* [penggambaran]ada duit, bila jadi *student* [pelajar] nak isi minyak motor pon (ketawa) alamak...jadi saya fikir-fikir, saya lebih memilih nak jadi pelakon, kalau boleh..kalau dikatakan kesilapan pon kesilapan tapi saya tak nak menyesal lah..saya tak nak menyesal sebab benda tu semua kan dah ditentukan perjalanan kan..kalau saya sambung perjalanan hidup saya akan jadi lain kan... bukan!a yang macam sekarang ...itulah...tak adalah tiba menyesal ..dah begitu laluan saya kan... jadi saya..saya balik saya bekerja saya berkontrak di *RTM* menjadi pengacara, penulis skrip, penyampai itu yang saya nak.. jadi selama *lima* tahun [5] habis-habis tu saya berlakon..saya berlakon sebab masa saya masuk *USM* tu saya dah berlakon *satu* [1] drama , yang saya kata basikal ku tu....saya dah...saya dah berlakon *satu* [1] drama , lepastu aaaaa saya tak sambung...saya tak sambung aaaa Tarmimi Serigar sambung sampai *degree* (ijazah)..arwah Zaibo sambung sampai *degree*...Loqman Ghani tak sambung macam saya juga....tak tabu kot [mungkin] sambung kemudian aaaaa ada sorang sambung dah ada *PHD* dah pon sekarang ni *lecturer* [pensyarah] *UITM* sekarang ni ..*lecturer* [pensyarah] *UITM* sekarang ni DR Adilah Rapo ...aaa dia sambung..sambung sampai *PHD* aaaa okay jadi tiba-tiba tahun lepas tah[entah] macam mana saya pergi ke “MQA” saya bawa segala sijil yang ada dan aaa..aaaa...(berfikir) saya mungkinlah tapi tak pasti bila lagi , mungkin saya akan ambil apa namanya..*exam* [peperiksaan] .. “*APEL*” tahu *apel*?(bertanya kepada kami)



*APEL* ke *apel*...*Apel* ni adalah satu ujian atau exam untuk orang yang nak menyambung pelajaran dan kata orang *MQA* , dengan apa yang saya ada..saya cuma perlu amik *APEL* tu..ambil *APEL* tu untuk sambung master..sambung terus master ..tengah duk fikir..insyaallah la kot mungkin ..mungkinlah kot (ketawa) tapi saya kena ambil *APEL*..*APEL* tu aaaa saya tanya berapa *percent* [peratus] ..*profile* [profil] ..*profile* [profil]..campur *exam* [pepiksaan] bertulis dan campur dengan *interview* [temuduga]..aaa kalau lulus aaa insyaallah la mungkin jadi *student* [pelajar] balik..tak apa.. anak saya dapat *PHD* bawah *tiga puluh* [30] tahun saya nak target dapat *PHD* bawah *tujuh puluh* [70] tahun (ketawa) tadelah saya gurau je..setakat mana layak je ..setakat mana layak..kalau tak larat tak payah saya *takde* [tiada] rugi apa-apa , katala saya masuk separuh jalan saya rasa penat lah ..saya tak rugi apa apa..macam orang muda tak boleh , dia kena sampai *grad* [tamat pengajian] ..sampai pun untuk ni..untuk bekerja nak apa kan..saya tak ada untuk apa-apa. untuk nak ilmu tu je...(senyum) sebab..bila makin lama makin sedar kita kurang ilmu. Tambah bila saya jumpa budak muda-muda, budak muda-muda ada yang lagi tinggi ilmu ..bukar nak lawan mereka.....tak...(nada mesidakkan) tapi *at least* [sekurang-kurangnya] nak mengisi ilmu lah .

## BIDANG LAKONAN

AS :Adakah encik mempunyai idola yang memberi inspirasi dalam bidang lakonan ni?

ZI : Idolaa.... errrrrrr (berfikir) secara khusus memang tak adalah, secara khusus memang takde..aa cuma saya suka..saya suka artis-artis yang berpendidikan tinggi macam arwah Sudirman dia seorang peguam aaa saya suka yang macam tu , nyanyi-nyanyi tapi kelulusan dia peguam..apani sekarang dah ramai yang ada kelulusan tinggi dalam bidang seni macam dalam bidang teater ni kita ada apa nama Dr Zizi , kita ada apa nama beberapa orang lagilah yang..yang ada ilmu dalam bidang seni ,jadi kalau nak kata idola tu..aaa khusus seseorang takde , macam sudah pastilah arwah Sudirman, arwah Tan Sri P Ramlee, semua tu sudah tentula memang menjadi idola bukan seorang dua , ramai yang mengidolakan mereka kan..secara khusus memang tak ada.

AS :Pada pendapat encik, encik lebih cenderung untuk memilih genre filem yang bagaimana?

ZI :Saya tak kisah, saya tak kisah sangat yang macam mana untuk saya berlakon lah..untuk saya berlakon saya tak kisah apa-apa saja (aaaa) yang saya fikir kan sesuai saya mampu bawa. Tapi kalau untuk saya tonton..saya akan memilih untuk menonton filem-filem yang tinggi nilai seni ,maksudnya bukan setakat penceritaan dalam filem bukan setakat cerita itu sendiri, bukan setakat lepas ini dia jadi kahwin ke tak jadi kahwin lepas ni [ini] mak dia mati ke, bukan setakat itu ada banyak lagi aaaaaa (berfikir) bende-bende lain kan , saya memilih macam tu ,saya memilih untuk tengok filem yang aaaaa mempunyai nilai estetika yang tinggilah, saya ..saya lagi memilih , bila tengok tu ,cerita tu [itu] cerita lah, cerita tu penting tapi lebih kagum dengan permainan kameranya..*lightingnya* [pencahayaan], saya

suka tengok filem-filem yang macam tu, untuk tontonan, tapi kalau untuk berlakon, saya berlakon *je* [saja].

AS :Jadi, selama encik berada dalam industri ini, bilakah encik menyedari perkembangan encik dalam bidang lakonan ini?

ZI :Emm yang ini susah sikit ni, nak cakap perkembangan tu sebab saya, dari awal sampai sekarang hampir *empat puluh tahun* [40] tahun saya rasa..saya tidak pernah meningkat terlampau tinggi tapi saya masih kekal..kelebihan saya, saya masih kekal sampai hari ini, orang muda masih kenal saya. Bersyukur sangat,bersyukur sangat..Alhamdulillah ..kawan-kawan saya yang lain, kadang kadang bila tanya anak saya , “Kenal *uncle* [pakcik] tu?” (pertanyaan beliau kepada anaknya) *Apesal* [kenapa] ya...maksudnya *diorang* [mereka] dah tak kenal, walaupun kawan saya tu suatu ketika tu pelakon yang hebat, tapi saya alhamdulillah, saya *duk* [sedang] tengok yang tegur-tegur saya kat *Tiktok* tu rupanya umur dua puluh tahun [20] ..(ketawa) jadi, syukur , yang pertama saya masih ada dalam industri ,dah..dari tahun *lapan puluh lima* [85] ,*lapan puluh enam* [86] dah *tiga puluh lapan* [38] tahun masih ada dalam industri , yang kedua syukur sebab saya masih mampu membawa watak....(berhenti seketika) watak-watak yang diamanahkan kepada saya dengan baik yang memuaskan hati pengarah ,yang ketiganya syukur sebab saya masih dikenali dalam kalangan budak muda..tu yang mungkin aaaa (berfikir) .kelebihan sangatla saya rasa jarang ada pada artis -artis veteran yang lain.

AS :Betul...Semasa pandemik Covid-19, apakah kesan kepada kehidupan encik?

ZI: Selama dua [2] tahun tu [itu], memang saya ada *job* [kerja], tapi tidak dibenarkan untuk penggambaran. Jadi, kalau tak silap saya *shooting* [penggambaran] dua [2] hari tiga [3] hari kot *stop* [berhenti]..*stop* [berhenti] enam [6] bulan langsung tak boleh *shooting* [penggambaran], tapi saya beruntung sebab sebelum tu saya dah *sign contract* [menandatangani surat perjanjian] saya dah [sudah] ada duit, saya dah dapat duit yang mana sepatutnya..saya dapat tu [itu] dalam berapa *tiga puluh* [30],*empat puluh* [40] *percent* [peratus] macam tu ..yang mana patutnya dalam masa dua [2] atau tiga [3] bulan saya akan dapat keseluruhan tapi enam bulan lepastu baru sambung ..saya start *shooting* [penggambaran] bulan tiga, bulan lapan baru sambung. Jadi bila bersambung balik bulan lapan tu ..okay...dalam keadaan *shooting* [penggambaran] yang penuh dengan *SOP* [tatacara pengendalian piawai) . Masa tu, solat jumaat pon masih lagi ,*shooting* [penggambaran] di Kuala Kangsar , kami tak dibenarkan solat jumaat sebab kami orang luar . Terpaksa la solat zohor je[saja] ,sebab tak....(nada panjang) tak boleh lagi sebab orang luar tak dibenarkan masa tu,orang kampung pon [juga] yang boleh masuk pun berapa orang je[saja] zaman tu. Dari segi kesan tu ,saya tak begitu terasa sangat sebab isteri saya bekerja , isteri saya bekerja, dia kerja kerajaan jadi tidaklah terkesan sangat macam orang lain. Tapi maksudnya...macam aaa(nada mengeluh) pincang jugalah biasa jalan dua kaki, ni jalan sebelah kaki, pincang lah juga..nak harapkan isteri saya saja kan , tak boleh ,jadi saya memang tidak ada pendapatan sepanjang tu, langsung tidak ada pendapatan tapi saya masih boleh teruskan kehidupan maksudnya..aaa(berfikir) dengan duit yang ada tu saya beli beras beli ape semua kat rumah, ikan bilis yang paling *simple* [ringkas] , habis-habis sangat takde [tiada] goreng ikan bilis buat sambal sikit dah cukup.. telur, sekali beli tu satu

[1] papan *tiga puluh* [30] biji . Itu jelah, jadi saya masih boleh hidupla aaaaa dan orang rumah pula masatu hari-hari masak , harini masak bihun goreng , esok masak mee goreng, esok masak lauk-lauk rendang , jadi..saya masih boleh teruskan kehidupan la aaa kesannya tak la teruk sangat macam suami isteri kedua-duanya *freelance* [bekerja bebas], so (jadi) kalau suami isteri dua-dua *freelance* [bekerja bebas] ,memang..langsung tidak ada pendapatan, pendapatan isi rumah kosong. Haa (nada sedih) itu kesian. Tapi adalah macam persatuan seniman ada bagi beras ape semua, tapi saya tak ambil bukan sebab saya sombong saya..... rasa saya masih mampu beli beras,bagilah pada siapa-siapa, tak kisah pada siapa-siapa yang langsung takde [tiada] duit nak beli beras.Saya rasa saya beras masih boleh beli insyaallah.

**AS** : Apakah persediaan awal yang diperlukan sebelum menceburi industri lakonan?

**ZI** : Macam saya kata tadi, saya masuk, saya terjun ke industri ini tanpa apa-apa persediaan sebab itulah saya..lepas habis saya pergi sambung belajar ,jadi saya belajar lakonan secara orang kata ape secara , apa orang panggil eh (berfikir sejenak), emmm (berfikir) secara betulah, secara formal lah belajar lakonan secara formal. Sebelum tu setakat *join* [masuk] teater tapi bukan lah join betul-betul belajar ilmu lakonan tu..main-main macam tu je . Jadi, aaaa (berfikir) oleh kerana masuk tanpa persediaan jadi lepastu bila saya pergi belajar saya balik semula tula baru la ada sedikit persediaan,barula faham macam mana nak mengenali watak nak faham naskah ape semua, masa tu barulah ada ilmu sikit dulu main belalah macam tu je , harap bakat je [sahaja]..tapi hari-hari kena marah la “asal kau macam ni..”asal kau macam ni”(perbualan antara pengarah dan beliau) “kau tak faham lah kau ni”(dialog), termasuk sebutan perkataan , yelah [ya lah]saya budak kampung datang saya sebut macam orang kampung. Saya ingat lagi pengarah tu marah, Encik Azman Salleh

,perkataan tu cabaret..cabaret saya sebut keberek, dia kata keberet tu orang kampung ,orang kampung sebut keberek ..keberek, itu *cabaret* [kabaret]..cuba sebut *cabaret* [kabaret]..dia kata *cabaret* [kabaret]. Sebab dalam cerita tu saya pelajar tahun akhir Universiti Malaya ...kau bukan orang kampung kau tak boleh sebut cabaret [kabaret], saya ingat saya dapat masa tu ilmu ,ooo lepastu saya berhati-hati kalau ada perkataan saya tak pandai sebut ,saya rujuklah kalau ade kan..(ketawa). Lain-lain..ni sebelum menceburi kan, kalau sebelum menceburi memang takde ape-ape sangat la ,saya pernah ikut- ikut kumpulan teater macam tu ..setakat minat dengan bakat je lah [sahaja lah], lepas balik dari *USM* tu barula ada ilmu sikit, jadi sekarang ilmu tu pun ibarat parang guna-guna-guna dah semakin tumpul itulah yang saya nak asah balik tu, kalau boleh tu nak sambung sikit belajar tu, nak belajar sikit lain. Saya tahu setakat yang saya je [sahaja] ,banyak lagi yang..ilmu-ilmu lakonan yang saya belum ada ,saya tak kisah kalau saya perlu belajar dengan orang muda ,habis kalau dah dapat *lecturer* [pensyarah] yang muda (ketawa) tak salah kalau orang tua belajar dengan orang muda , yang penting tu ilmu tu (senyum).

## PENDAPAT ATAU PERSEPSI

AS :Apakah pendapat encik tentang industri seni pada zaman kini dengan zaman dulu?

ZI : (berdehem) Banyak beza...yang pertama sekali teknologi , teknologi semakin meningkat, teknologi memudahkan kerja. Dulu benda yang buat dua hari, sekarang ni mungkin buat dalam dua jam tiga jam dah siap. Contoh paling nyatalah, aaa (berfikir) dia ada satu pekerjaan tu yang digelar sebagai *continuity girl* [kesinambungan kejadian perempuan] atau *continuity boy* [kesinambungan kejadian lelaki] aaa untuk menjaga kesinambungan maksudnya..apa pakaian saya sekarang ni ,kesinambungan untuk babak nanti yang akan dibuat mungkin dua tiga hari lagi, saya kena pakai pakaian yang sama ,kalau songkok ke ape sama. Dulu kena lukis ,lelaki takde [tiada] masalah sangat lukis..perempuan...rambut lain, handbag [beg tangan] lain, anting-anting lain, kasut lain, handbag kan tukar ikut warna baju la ape semua , jadi anting-anting tu pulak macam-macam , dulu kena lukis sekarang dah ada *handphone* [telefon bimbit] ...so [jadi] ambiklah.., dulu *kene* [kena] Lukis..dulu boleh ambil gambar kamera dah ada tapi masalahnya ambil gambar, tiga hari lagi baru boleh tengok gambar zaman *tu* [itu] .Itu dari segi teknologi, banyak lagilah benda-benda teknologi, dulu lampu-lampu semua besar-besar, nak *set up* [tetapan] tu makan masa berjam-jam,sekarang *set up* [tetapan] tu dah boleh diringkaskan ...teknologi mempercepatkanlah. Tapi dari segi lain dari itu, dari segi macam penghayatan seni tu, saya nampak yang dulu lebih tinggi penghayatan seninya, aaaa ( nada panjang) berbanding dengan yang sekarang..pandangan saya la ,kalau yang dulu tu, walaupun diorang tak sekolah ada yang tak reti baca pun zaman P Ramlee tapi lakonan *diorang* [mereka] hebat, mungkin sebab aaa macam mana ya ...aa disiplin lah, yang dulu disiplinnya cukup kuat,

sekarang pun ada..yang masih memegang pada disiplin kuat tu masih ada, tapi ada juga yang..yang emmmm (mengeluh) bukan tak disiplin tapi mungkin kurang disiplin nyala kalau nak bandingkan dengan yang dulu . Contohnya ,dulu kalau kata kena ada esok pukul *lapan* [8] pagi boleh dikatakan semua dah ada pukul *lapan* [8] pagi tu ,dalam keadaan dah siap sarapan dah siap apa, pukul *lapan* [8] tu sampai tu dah boleh terus start.Sekarang ni pukul *lapan* [8] ,ada yang sampai pukul *lapan* [8] tapi belum sarapan ,nak sarapan dulu sampai pukul *sembilan* [9] aaa (berfikir) ada yang aaa pukul *lapan* [8] tapi pukul *sembilan* [9] baru sampai, tapi itu atas individu sebahagian kecil lah bukan lah ramai bukan lah semua ,tapi ada yang pukul *lapan* [8], *tujuh setengah* [7:30] dah sampai dia sarapan sendiri dia apa nak pergi tandas ke ape semua, pukul *lapan* [8] dia dah *ready* [bersedia] ,kalau itu kebanyakan orang-orang lama macam tulah , bukan saya nak kata yang muda tu salah ,tapi cara tu dalam apa-apa bidang pun bukan kata bidang seni saja, dalam bidang lain pun saya tengok sama ,banyak yang sekarang ni, disiplin tak begitu kuat macam dululah, dulu jangan kata nak jawab *handphone* [telefon] masa tengah *shooting* [penggambaran], saya rasa nak pergi tandas pun tahan dulu, selagi pengarah tak kata okay boleh pergi *an* [kan], dulu..sekarang.

AS :**Bagaimana dengan penggunaan peralatan Penggambaran ketika di set Penggambaran?**

ZI :aaaa itu bagi pihak *production* [pengeluaran]..bagi pihak production lah, macam pihak saya tiada apa-apa, tiada guna apa apa peralatan, peralatan penggambaran itu bagi pihak *production* [produksi] lah. Peralatan semakin canggih, macam saya kata ,peralatan semakin canggih...mmmm (berfikir) jadi lebih memudah kan lah, kalau macam saya kata tadi dulu lampu-lampu nak *set up* [tetapan] tu lama , satu-satu babak tu nak *set up* [tetapan] tu lama,



sekarang ni dah cepat sikit ..peralatan semua canggih. Macam aaa *dubbing* [mengalih suara] dulu kalau *dubbing* [alih suara], *dubbing* [alih suara] dulu betul-betul nak kena ikut bila filem tu jalan nak kena ikut mulut tu. “Assalamualaikum pak long nak pergi mana?” aaa salah..jalan balik...”Assalamualaikum paklong” (alih suara dialog) sempat...tak *sync* [selari]... Sekarang gambar jalan, “Assalamualaikum pak long nak pergi mana?” okay..kejap ..dia tap tap tap (merujuk kepada penyuntingan video), lari sikit dia tarik,Tarik,Tarik , ngam (sepadan) dengan mulut, tadi saya buat macam tak ngam (sepadan) ,dia Tarik, Tarik, Tarik jadi ngam. Aaaaa itu teknologi , memudahkan sungguh, dulu kalau tiga orang cakap , saya dah betul dia salah buat balik, jadi sekarang ambil sikit-sikit tu je. Tak dapat juga jadi kita ambil “Assalamualaikum pak long tu je” tu je dah, nak pergi mana tu kemudian. (senyum)

**AS :Pada pendapat encik , bagaimanakah cara untuk kekal bertahan dalam industri seni?**

**ZI :** Jaga disiplin lah, jaga hubungan kita dengan orang ramai, supaya..macam ni.. bila orang sebut nama , aaaa contohla kata ada satu pengarah tak pernah ambil saya berlakon , pengarah tu kata nak ambil abang Zul tu lah berlakon, kalau boleh nak orang yang mendengar tu .. “okay abang zul tu okay” (sambil bernada semangat), kita nak macam tu , kita tak nak.. “abang zul tu eh janganlah..”( bernada kurang selesa), tak nak yang macamtu. Jadi maksudnya hubungan tu kena baiklah. Tak nakla orang kata “ oohh abang zul tu dia berlakon okay, tapi sombong” aaa tak nak, tak nak benda tu ataupun “ dia berlagak sikit”, “makan tak nak makan nasi campur”.. contohla, contohlakan , dia tak naklah, okay kalau nak tu menjaga hubungan baik dengan semua orang, baik dari krew paling bawah sampai

krew paling atas , baik jaga hubungan tu, jaga disiplin aaaa elakkanlah melakukan kesilapan-kesilapan yang orang kata macam...kesilapan -kesilapan yang errrrr berulang-ulanglah. Contoh, harini lewat *sepuluh* [10] minit, esok lewat *lima belas* [15] minit ...aaaa ( menunjukkan arah larangan) janganlah , harini lewat *sepuluh* [10] minit, minta maaf , “sorry saya ada ni”, esok cepat *sepuluh* [10] minit..dan hari-hari seterusnya. Jadi , sama juga dengan pelakon-pelakon muda ,saya tanya terus terang aaaa okay ke , diorang kata okay.. semua okay (nada teruja). Nak, nak , yang macam tulah , kita tak nak la nanti kalau saya sampai je, artis- artis muda nanti “uncle tu sampai dah menyampah betul” (contoh keluhan), tak nak, taknak timbul benda tu langsung , dengan siapa-siapa pon, saya menghormati semua orang, menghormati setiap orang punya penyediaan, hormat. Orang datang potong rumput pon saya hormat juga, dia tak datang dah sebulan *dah* [sudah] panjang rumput (ketawa).. hormat, saya panggil dia datang. Saya tak pernah merasa saya lebih dari orang lain. Saya rasa itulah *kot* [ mungkin] yang perlu ada .

**AS :Pada pendapat encik, adakah pelakon boleh mempengaruhi penontonnya dengan lakonannya?**

**ZI :**Sepatutnya boleh, tapi kita tengoklah ammm (sambil mengetap bibir) penonton punya penerimaan tu ,persepsi penonton tu macam mana, ada yang boleh, ada yang “oo tak boleh buat macam ni rupanya” ada yang setengah “aaa cerita je bohong je lebih” ada juga yang macam tu. Itu terpulang kepada penonton , pada saya sebenarnya boleh, aaa mungkin kita tak tak tahu tentang sesuatu perkara . Contohnya macam nilah, kita masuk bab agama sikit,ada dalam satu.. satu cerita saya berlakon jadi doktor yang baru *grad* (tamat pengajian) lepas grad mak saya bagitahu sebenarnya bapa kau masih ada ,bukan mati macam mak kau cakap , bapak kau pun sebenarnya sorang doktor . “Sekarang ni dia ada kat kampung orang

asli kat Pahang. Bapak kau cakap kalau kau dah jadi doktor ,pergilah cari dia” . Saya pun pergi nak cari dia kat lautan tu , naik bot ape , jalan kat hutan ape semua saya berkenalan dengan satu perempuan, pandang-pandang perempuan tu ,malu-malu apa semua. Saya tengok perempuan tu selalu datang rumah, rumah bapak saya duk sorang- sorang , lepastu perempuan tu masak kat bapak sayala, bercucuk tanam . Sampailah satu peringkat saya luahkan perasaan dengan perempuan tu, perempuan tu menangis , “dia kata tak boleh aku mak tiri kau”. Satu babak yang lain , bapak kata ,minta maaf bapak tak boleh buat apa- apa , dia kata kalau bapak ceraikan sekalipun , tetap haram kalau kau kahwin dengan dia . Aaaa itu satu hukum , hukum tu mungkin ramai orang tak faham , ramai orang tak perasan , tapi dengan adanya ditunjukkan dalam tu “ooo tak boleh eh walaupun bapak dia dah ceraikan”. Tak boleh sebab dia mahram , sebab bekas isteri mak bapak tak boleh. Aaaa jadi kan ada benda kat situ , pada yang nak ambil ilmu tu lah , pada yang tak nak ambil ilmu “alaa bohong.takkan la mak tiri dia”...hah ada yang persepsi dia macam tu kan, jadi terpulang kepada penonton tu sendiri. Saya pernah jumpa ada orang tu pakai uniform *inspektor* [pangkat dalam polis], dia masuk polis sebab gerak khas , adalah kisah tu kan (ketawa) .

**AS :Apakah tips yang encik ingin kongsiikan terhadap anak-anak muda yang ingin menceburi dalam bidang lakonan ini?**

**ZI :** Sekarang zaman , zaman dah moden ,dunia tanpa sempadan apa semua, menuntut ilmu dah semakin mudah, kepada mana yang nak menceburi tu persiapkanlah diri dengan ilmu , persiapkanlah dulu dengan ilmu.. bakat semata-mata tidak kemana , bakat dengan minat semata-mata juga tak kemana , patut ditambah dengan ilmu , tak kisah ilmu dalam bidang apa sekalipun , sebab tu saya pernah cakap , salah satu syarat nak jadi pelakon Bahasa melayu kena bagus , sebab skrip dalam Bahasa melayu , kalau dia tak faham , Bahasa

melayu dia tak bagus , dia tak faham, macam mana dia nak mengaji watak tu semua , dia nak lafazkan dialog tu dia tak faham perkataan tu. Contohnya, *nyah* [ pergi ] kau dari sini , *nyah* [ pergi ] tu apa? *Nyah* [ pergi ] tu pondan la kan?... tak *nyah* [ pergi ] tu maksud berambus. Kalau dia tak faham *nyah* kan ,*nyah* [pergi] kau dari sini (ketawa). Sebab itu pentingnya Bahasa tu, kebetulan saya juga minat Bahasa (ketawa).Jadi persiapkan diri dengan ilmu, tak kisah ilmu ape. Contoh Lah dia minat undang-undang , tak apa ambil dulu ijazah , aaa dah ade ijazah dalam bidang undang-undang tapi dia nak berlakon , takpe [tidak mengapa] lah, contoh dia minat jurutera , takpe belajar sampai *grad* [tamat pengajian] jurutera, pergi berlakon takde [tiada] masalah. Cuma lebih baik kalau dia belajar khusus dalam bidang seni ; lebih baik, lebih baik..dan disiplin kena jagalah. Disiplin... aammm (berfikir) sebab kita pernah dengar orang cakap kan, walaupun ada ilmu , adab tu lagi penting kan . Ilmu tu penting tapi adab tu lagi penting....aaaa(nada panjang) bila dah ada ilmu, contohnya macam ni orang nak jadi nelayan , nombor satu mesti pandai berenang ,belajar berenang dulu. Nanti *kang* [tiba-tiba] tengah-tengah laut dahla tak reti berenang , tercampak dalam laut dah ni kan..contoh contoh kan. Sebab tu kita nak belajar memandu ,kita kena belajar undang-undang dulu , ni tak boleh pergi terus saya nak daftar ni, ada lesen L , tak ada, hah tak boleh (sambil menunjukkan pergerakan tangan). Nak ambil lesen L kita kena belajar . Jadi kalau boleh dalam bidang ape pon macam tu la kalau boleh . Nak jadi pelakon , belajar sedikit tentang lakonan , nak jadi penyanyi kena belajar sikit [sedikit] . *At Least* [mungkin] belajar sikit kan, tapi .jangan sombong, jaga disiplin ... insyaallah.

**AS** :Jika anak-anak encik ingin mengikuti jejak Langkah untuk mengikuti industri lakonan, adakah encik mengizinkan?

**ZI** :Masa anak saya umur *dua* [2] tahun, anak perempuan saya umur *dua* [2] tahun, dia berlakon...dia berlakon , umur *dua* [2] tahun sampai la umur *sebelas* [11] tahun bila dia dah nak ambil *UPSR* ,saya.... minta dia *stop* [stop] berlakon sebab setiap kali *shooting* [penggambaran] ponteng sekolah , ponteng... ada sekali tu sekolah hari isnin, hari ahad tu shooting sampai *tiga* [3] pagi , nak kejut dia pukul 6 pagi nak pergi sekolah tu dah tak larat sangat , terpaksa ponteng kesian pulak nak kejut , habis *dua* [2] pagi *shooting* [penggambaran]. Jadi saya fikir-fikir umur dia *sebelas* [11] tahun *stop* [berhenti]... kena pulak anak saya tu seorang yang *observed* [memerhati] macam-macam . Dia umur dalam..*lima* hingga *enam* [5-6] tahun tu pon kadang-kadang dia datang, dia datang tanya saya “ papa kenapa nenek tu hisap rokok?” (pertanyaan anaknya kepada beliau) dia benda pelik-pelik dia akan *complaint* [mengeluh] dekat saya , “papa papa tadi solat jumaat diorang semua tak pergi”(pertanyaan anaknya) (ketawa) dia jenis mulut macam tu , dia cakap *observed* [memerhati] (ketawa) “papa papa, yang kakak tu [itu] lelaki ke perempuan?”. Jadi susah saya nak jawab, saya pon jawab perempuan kot... . Jadi saya fikir-fikir balik kesian juga kat dia , benda-benda macam tu dia tak faham , tapi yang lebih penting saya cakap kat dia umur sebelas [11] tahun nak ambil *UPSR study* [ulangkaji] dulu.. habis *study* [ulangkaji] esok.. sambung berlakon balik . *So* [jadi] lepas dia *grad PHD* (tamat pengajian phd) , saya kata ..papa nak tunaikan janji kaklong dah habis belajar dah boleh berlakon (ketawa) dia cakap tak naklah tak minat (ketawa) (berdehem) . Anak yang kedua dia lebih banyak di belakang kamera , dia pon meminati minat seni tapi dia lebih..dia berlakon dia tak minat tapi benda-benda di belakang kamera dia minat lah , buat editing

apa semua , dia ambil pon filem kan . Jadi maknanya berkait jugalah dengan dunia perfileman tapi bukan dunia lakonan , pada saya okay je..kalau berminat okay je ..tak ada masalah . Macam saya cakap dengan anak saya yang perempuan tu lah , dia pernah duduk Korea, dia boleh buat skrip tentang orang Malaysia kat Korea ke , boleh ber *shooting* [penggambaran] dekat Korea ...aaa (berfikir) kan?.. letak watak orang tua , nanti papa boleh ambil watak tu boleh pergi Korea (ketawa) saya cakap kat dia (tanya beliau kepada anaknya). Sebab dia ada pengalaman tu orang lain tak ada, orang lain pun ada , tapi dia..maksudnya..dia ada pengalaman dia , macam mana dia boleh sampai..tempat dia tak pernah sampai apa semua..boleh je buat. Berlatar belakangkan budak Malaysia yang duduk di korea tapi cerita tu boleh lah di..di.. difiksyenkan kan.. . Itulah kalau dia berminat , tapi lebih kepada *tu* [itu] lah..bukan lah berlakon. Skrip ke apa kan .

- TAMAT BAHAGIAN DUA -

### BAHAGIAN 3 : PERTANDINGAN

NJ :Jadi saya teruskan temubual ini dengan bahagian tiga dalam pertandingan. Pernahkah encik menyertai apa-apa pertandingan dalam industri seni contohnya semasa belajar?

ZI :Seingat saya tak pernah, sebab pertandingan berbentuk seni tak pernah. Sebab macam sekolah pun saya main hantar *je* [sahaja] tulis sajak tapi bukan pertandingan hantar keluar macam *tu* [itu] *je* [sahaja] tak ada yang untuk pertandingan. Dalam seni lakon pun tak pernah untuk pertandingan buat untuk *show* [persembahan] *je* [sahaja]. Ada masa hari guru *dua* [2] *tiga* [3] *empat* [4] kawan buat. Saya ingat lagi cikgu praktikal masa saya *form* [tingkatan] *four* [4], cikgu tu baik cikgu praktikal, orang Kelantan. Jadi sebelum berpisah tu saya ambik *dua* [2] *tiga* [3] orang kawan saya buat lakonan dalam kelas. Ada *satu* [1] kawan saya jadi cikgu tu lah *pastu* [selepas itu] ada budak nakal dekat situ apa semua nangis dia. Dah lama tak jumpa, dia mungkin dah pencen sebab saya pun dah *enam puluh* [60], dia mungkin tua pada saya, mungkin dia pun dah pencen tak tahu pergi mana, cuba cari kat facebook tak jumpa, tapi kawan saya yang berlakon masa tu *form* [tingkatan] *four* [4] berlakon jadi cikgu tu baru je pencen cikgu *dua* [2] minggu lepas, betul-betul dia jadi cikgu lepas tu. Jadi buat untuk *show* [persembahan] *je* [sahaja] pertandingan memang tak ada cuma lepas dah berlakon la dicalonkan untuk Sri Angkasa la tapi tak menang menang.

**NJ** :Selain pertandingan, pernahkah encik mengadakan persembahan di mana-mana?

**ZI** : Persembahan ada la, macam saya kata tadi persembahan masa tingkatan *empat* [4] cikgu itu nak berpisah tu lepastu masa tu jugak lebih kurang saya balik ke sekolah lama saya, sekolah yang saya tingkatan *satu* [1] sampai *tiga* [3] tu, saya jumpa dengan *sorang* [seorang] cikgu ni, saya kata cikgu, ada tak persembahan dari bekas pelajar? “Kau nak buat? Boleh boleh boleh”. Saya pun cuba la buat, susah nak buat drama nak buat apa saya pun buat macam jenaka *slapstick* [komedi kasar] je la, jatuh bunyi *toink* bunyi apa semua tu kan, bunyi muzik apa semua buat je la *okay* la buat, cikgu tu kata “boleh tahan kau ye”. Cikgu tu arwah dah, cikgu tu sebenarnya adalah cikgu, adalah seorang pelakon jugak zaman tu, pelakon *teater* lah, jadi persembahan ada macam tulah. Masa di *USM* [Universiti Sains Malaysia] tu yelah sebab kami sentiasa lah ada *show* [persembahan] sebab setiap hari pun kami ada latihan jadi terlibat dengan *show* [persembahan] tu biasalah.

**NJ** :Bilakah persembahan tersebut dijalankan? Mungkin tahu bila ke?

**ZI** :Kalau saya tingkatan *empat* [4] maksudnya tahun *tujuh puluh sembilan* [79] buat persembahan di sekolah tu, ramai sampai sekarang kawan-kawan ingat lagi tu. Ada yang dah arwah, ada yang pencen. Saya buat skrip, saya pengarah, saya berlakon sebab khusus untuk cikgu praktikal tu.



NJ : Cikgu tu masih ingat nama dia?

ZI :Kalau tak silap saya tegur haritu *satu* [1] orang kat *Facebook* tu, kalau tak silap nama cikgu tu cikgu Karimah, cikgu Karimah Hamad.

NJ :Asal Kelantan lah?

ZI : Haa nama Hamad tu nama Kelantan lah, Hamad, Mamat. Mamat ada tempat saya, saya ingat sangat tu sebab Karimah Hamad tu kalau tak silap saya, saya ingat sangat sebab masa tu ada pengacara terkenal di RTM nama Karimah Hamad tu saya ingat sangat tu pastu saya tegur dia tu, rasa macam salah orang kat *Facebook* tu saya rasa bukar.

## PENGLIBATAN DALAM BIDANG

**NJ** : Sebelum menceburi bidang ini, bidang apakah yang encik ceburi?

**ZI** : Macam saya kata tadi sejak sekolah saya banyak menulis, banyak menulis sajak, peringkat awal sajak lah , peringkat *kedua* [2] saya tulis berita, saya dekat sekolah ada buat ujobakat, saya ambil gambar apa semua, saya tulis saya hantar dekat nama surat khabar tu tak ingat, 'Pelajar cacat penglihatan juara ujobakat sekolah' sekian sekian, keluar berita tu ada yang dapat duit ada yang tak dapat, yang dapat pun kadang-kadang *sepuluh ringgit* [10], kalau lebih pun *dua puluh* ringgit [20]. Untuk budak sekolah masa tu *okay lah* [baiklah]. Cek pertama saya dapat tu, saya simpan tapi masa pindah-pindah rumah hilang tahu kemana. Cek *dua puluh ringgit* [20] saya ingat lagi, cek saya dapat dari tulis puisi untuk Utusan, saya simpan sebabtu tak nak *claim* [tebus] sampai bila-bila....hilang! Selepas itu, tulis puisi, tulis berita saya mohon bekerja di Utusan Melayu dapatlah sebagai wartawan di Utusan Melayu. Tak lama dalam *dua* [2] tahun je saya berhenti terus ceburi bidang ni sampai sekarang.

**NJ** : Untuk menceburi bidang ni bagaimanakah permulaan encik? Adakah ditawarkan untuk mengikuti bidang industri seni lakonan?

**ZI** : *Okay* [baiklah], masa tu *tahun sembilan belas lapan puluh lima* [1985] arwah Khalid Salleh buat *satu* [1] teater tajuk dia '*Ulek Mayang*', tajuk tempat saya tak ingat bila-bila lebih kurang cerita pasal *Ulek Mayang* lah jadi saya minat, saya tiap-tiap hari pergi tengok

latihan, pelakon dia Eman Manan saya ingat lagi masa tu. Keesokan pergi lagi, takde kerja pergi tengok pastu dalam hati tu “Ish kalau lah aku boleh *join* [ikut] diorang” tapi takde pun tak dapat pun peluang tu okay la takpelah. Satu hari seorang pelakon tu arwah dah nama dia Nasir Ali, dia berlakon buat roti canai dalam Senario tu dia macam mamak sikit tu, dia salah seorang pelakon tu. Satu hari dia datang kat saya dia bagitahu dia tanya saya “Hang nak jadi pelakon *extra* [tambahan] tak, pelakon tambahan”. “Nak la nak nak”. “*Okay* [baik] ambil nombor ni sebab TV3 nak buat drama kalau boleh diorang tak nak muka pelakon-pelakon RTM, diorang nak muka *fresh* [baru] hang try lah nak pakai ramai ni, aku jadi *lecturer* [pensyarah] hang muka-muka student ni” Masa tu saya dalam umur *dua puluh dua* [22] macamtu. “Muka hang muka student *try try* [cuba]” so [jadi] saya pun *call* [menghubungi] so [jadi] Encik Arman gini gini gini “Mana dapat nombor saya?” “Saya dapat nombor ni Encik Nasir Ali bagi” “Ohh kawan saya tu kawan saya, datang *office* [pejabat]” saya pun pergi, dia pun ujibakat buat itu buat ini itu tanya itu tanya apa semua, diorang bagi skrip, “Hafal!” Dia pun keluar “Dah hafal belum?” “Dah sikit-sikit” “Takboleh sikit-sikit hafal betul-betul” lepastu berlakon berlakon *okay* [baik], “Macamnilah, awak ada bakat masalahnya untuk drama ni kami nak pilih pelakon tambahan sahaja sekarang ni, hero apa semua dah ada” dia kata. “Awak boleh pergi sekurang-kurangnya *second* [kedua] hero ni takpun awak boleh pergi hero” dia kata. “Sayang kalau ambil jadi pelakon tambahan rugi tunggu *next* [seterusnya] drama je lah eh saya panggil” pastu saya cakap apa itu adalah cara paling sopan untuk mengatakan awak tak layak. Bila saya dah sampai kat pintu “Dik, rambut jangan potong” saya pusing “Kenapa?” “Haa ikut je lah jangan banyak tanya dah agak-agak dalam seminggu tu takde pape potong lah”. Tunggu dalam dua tiga hari dapat *call* [panggilan] dari TV3 “Tahniah

awak terpilih berlakon dalam drama ni” “Jadi apa?” “Hero lah kan saya dah cakap, kenapa taknak?” “Eh nak nak”. Okay lah balik happy ni dapat skrip. Itulah jalan macam mana saya mula mula dapat berlakon pada kali pertama.

**NJ : Jadi Encik Nasir Ali lah orang yang bertanggungjawab?**

**ZI :** Orang yang bertanggungjawab bagi nombor kat saya suruh saya pergi dan bila sampai di tempat tu di lokasi tu saya ingat lagi di Universiti Malaya dalam bilik kuliah tu babak tu saya sampai lambat *lecturer* [pensyarah] tengah mengajar, Nasir Ali lah tengah mengajar pahtu *student* [pelajar]. Saya sampai tu saya duduk kat belakang. Dia tengah mengajar saya buka buku majalah-majalah tentang basikal, nombor basikal dia mengajar kat depan selepas itu Nasir kata “Haa hang dapat? okay tahniah tahniah hang dapat” pastu dah habis babak tu dia macam “Eh, pasaipa hang banyak sangat *part* [babak] hang tengok ni dia ambik apa semua ni, hang jadi apa?” “Jadi hero” “Oii! Ni lawan tauke” HAHAHA dia gurau la “rezeki-rezeki okaylah tahniah tahniah” dia pun tak sangka kan.

**NJ : Jadi saya teruskan soalan seterusnya, siapakah yang menjadi pendorong utama kepada encik ketika encik hendak menceburi bidang ini?**

**ZI :** Saya rasa pendorong takde, hahahaha penentang ramai, takde rasa saya pendorong, saya, saya sendiri je sebab bidang ni takde yang nak dorong, keluarga tak suka biasala tu takde mak bapak yang suka anak dia jadi orang seni.

NJ : Jadi Apakah pengalaman encik perolehi sepanjang berada dalam industri seni?

ZI : Ohh banyak, cerita dia panjang. Macam macam la saya berpeluang untuk berkenalan dengan macam-macam orang. Saya pengalaman macam-macam kalau nak diikutkan pengalaman pahit *shooting* [penggambaran] kena tipu tak dapat duit pun ada pastu tu pengalaman jugak *shooting* [penggambaran] dah habis tak dapat duit. Ada yang janji nak bayar *shooting* [penggambaran] senyap pun ada tak panggil-panggil dah walaupun janji tu katalah sekarang bulan lima “Okay bang tengah bulan *enam* [6] eh” tunggu tunggu sampai hujung tahun tu takde pun ada cuma pengalaman-pengalaman lain pernah cedera sikit sebab buat babak eksiden terlanggar betul kaki sikit pastu seterusnya tengah-tengah *shooting* [penggambaran] saya demam macam-macam buat makan panadol semua taknak, pergi klinik makan ubat tak nak baik ,makan pun dah tak lalu, makan bubur ingat lagi diorang carikan saya bubur saya tak boleh makan apa semua teruk sangat *last-last* [akhirnya] *shooting* [penggambaran] lagi sampailah saya tumbang. Saya sedar dalam perjalanan ke hospital sampai kat hospital, doktor terus masukkan ke wad dalam *sepuluh* *minit* [10] je darah keluar meleleh kut hidung banyak darah hidung kat mulut semua keluar rupanya saya kena denggi berdarah. Jadi *dua puluh* [20] hari lebih saya kat hospital, penggambaran pertama tu terpaksa ditangguhkan sebulan lebih baru boleh sambung balik. Tak boleh buat apa tunggu saya keluar hospital lah baru boleh sambung balik.

**NJ** : Masatu zaman bila? Tahun berapa?

**ZI** : Tepat saya tak tahu tapi *lapan puluh sembilan, sembilan puluh* [89-90]. Lama masa tu saya menulis skrip untuk RTM, diorang jemputkan doktor datang cerita pasal denggi saya ambil lah statistik. Statistik tu mengatakan dah *seratus* [100] orang lebih kena denggi dalam bulan tu di Kuala Lumpur *seratus* orang [100] lebih kena *dua puluh* [20] orang denggi berdarah *lima belas* [15] meninggal kut lebih kurang. Dia kata saya termasuk dalam yang dipanjangkan umur. Doktor kata sebab belum sampai ajal tapi asbabnya pendarahan berlaku depan doktor, dia kata kalau pendarahan berlaku di rumah nak sampai ke hospital dah habis. Bila pendarahan berlaku, *drip* masuk darah balik jadi saya yang tengah borak-borak dengan kawan saya tiba-tiba “Eh Zul darah!” (kawannya menegur) saya pegang ni macam air paip keluar laju, kawan saya tadah dengan tangan nak buat apa tadah dengan tangan, dia pun panik tadah dengan tangan habis ni baju-baju katil hospital dengan kawan-kawan saya habis kena. *Tu* [itu] antara pengaisman la terpaksa *break* [berehat] *shooting* (penggambaran) lama.

**NJ** : Boleh encik ceritakan sedikit usaha yang telah dilakukan encik untuk bekerja dalam industri seni ini?

**ZI** : Usaha yang saya lakukan antaranya saya perlu sihat, saya perlu sihat jadi saya jaga kesihatan saya supaya sihat lah dan berkemampuan untuk berkerja lagi pastu macam biasalah ada sedikit sakit-sakit membuatkan saya *control* [kawal] jaga makan bila saya dah jaga makan saya jaga makan sebab tak sihat tapi bila dah lama-lama saya rasa bila dah jaga

makan tu badan dah jadi sihat dan selalu baik. Saya tak ambil makanan bergula, kuih apa semua saya tak ambil, saya tak sentuh pun, nasi pun jarang jarang baru makan, makan roti makan apa tu dari segi kesihatan lah dan nak berlakon perlukan ketajaman fikiran untuk menajam fikiran tu kena sentiasa bukan setakat badan kena bergerak, fikiran pun kena bergerak tu saya baca buku jumpa kawan-kawan. Kadang-kadang kalau jumpa kawan kawan pun pilih *satu* [1] tajuk kita bincang supaya dapat masih bukan sembang kosong lah tapi itulah dapat berfikir supaya takut nanti tak boleh nak hafal dialog dan takut tak boleh nak *deliver* [sampaikan] dialog tu ha itu yang paling ditakuti lah. Yang *ketiganya* [3] fizikal lah contoh tak boleh berdiri lama nak duduk je pastu tak boleh duduk lama kena baring je ha tu lah susah lah. Selain dari itu, macam saya kata lah jaga hubungan dengan kawan-kawan, orang yang dalam industri jaga nama baik lah.

#### **PENGLIBATAN LAIN**

**NJ : Adakah encik menceburi industri lain selain daripada industri seni lakonan seperti bidang nyanyian ke?**

**ZI : Takde, nyanyian tak pernah.**

## PENGLIBATAN DALAM POLITIK

**NJ** : Kalau tak keberatan, bolehkah kalau encik ceritakan mengenai penglibatan dalam politik?

**ZI** : Saya takde apa-apa penglibatan dalam politik, saya tidak ada apa-apa jabatan, saya tidak menjadi mana-mana ahli parti politik pun adalah dalam *Google* tu kata saya ahli parti tu parti ni sebenarnya saya tak pernah pun semua tak betul. Saya tidak pernah mengisi borang menjadi mana-mana ahli politik kecuali masa zaman muda dulu sebab arwah ayah saya adalah seorang pemimpin politik jadi dia daftarkan saya secara automatik lah! masa dulu-dulu adalah dulu dan masa muda saya banyak mengikuti kursus politik, kursus kepimpinan kursus apa je jadi sedikit sebanyak pemikiran politik tu ada ilmu politik tu ada tapi saya tak berminat saya lebih minat seni dan pada saya orang seni tidak harus berpihak mana-mana parti politik bukan tidak ada pendirian tapi apabila saya jadi pelakon saya disukai oleh semua golongan-walaupun bukan semua orang tapi semua golongan. Kalau saya masuk politik saya hanya akan disukai oleh orang parti tersebut. Kalau saya masuk parti A, parti B tak suka saya, saya masuk parti B parti A tak suka saya jadi sedangkan kalau dalam lakonan orang parti A tengok parti B tengok parti C tengok siapa saja tengok lah, saya rasa saya lagi lebih suka disukai semua pihak macam tu dari disukai oleh satu golongan sahaja jadi setakat ni macam tu lah saya takde pape, saya macam tu lah tidak menjadi ahli mana-mana, tidak pernah pegang apa-apa jawatan kalua dalam politik, dulu ada juga dalam NGO persatuan setinggang apa semua, sekarang ni dah takde dah saya rasa nak berehatlah saya pergi *shooting* [penggambaran] je, balik shooting saya lepak kat rumah



je. Kemudian nak *happy happy* [bahagia] kalau boleh, saya taknak nanti tahun ni lah kalau masuk politik ni dia macam-macam orang kata macam-macam media sosial tu sebab pada saya parti-parti politik yang ada tu semua bagus, semua nak berkhidmat nak jalankan kebaikan cuma persepsi masyarakat tu yang berbeza-beza. Macam saya kata lah apabila masuk parti B parti A kata tak bagus, saya kekal macam ni, saya kekal tidak memihak mana-mana parti tapi siapa yang dipilih sebagai kerajaan saya sokong, siapa yang layak saya sokong lah untuk *lima* [5] tahun tu untuk dia apa namanya kalau ada peluang boleh minta sesuatu minta la untuk orang seni bukan individu lah minta untuk orang seni kalau boleh diterima kan. Macam mana maksud seorang politik eh? Saya tak pernah.

**-TAMAT BAHAGIAN TIGA -**

#### BAHAGIAN 4: FILEM ATAU DRAMA

**NJ** : Bolehkah encik ceritakan sedikit tentang filem atau drama pertama encik?

**ZI** : Drama pertama saya berjudul 'Basikalku' ia sebuah telemovie yang mengisi slot pertama dalam cerekrama. Cerekrama tu hari Sabtu malam minggu tu drama yang pertama tu adalah Basikalku saya tu lah. Kisah pelajar di Universiti Malaya yang terlampau gila dengan basikal dia, pergi kuliah naik basikal pergi mana naik basikal apa semua. Masa gaduh dengan bapak dia, bapak dia campak basikal dalam sungai, bapak dia tak suka dia naik basikal habis duit beli buku-buku basikal bukan buku ilmiah buku basikal je banyak kat rumah, poster basikal dalam bilik apa semua sampai bila dia dah *grad* dengan *gown* [jubah] konvo tu dia kayuh basikal bawa *girlfriend* [teman wanita] dia. Dia bawak *girlfriend* [teman wanita] dia kat tengah tu kan tapi babak tu di arahkan saya buat semula sebab tak sesuai untuk *student* [pelajar] universiti bayangkan lah kalau bawa perempuan kat tengah tu kan memang tak sesuai dan ditukarkan dipanggil balik untuk membuat penggambaran semula tukar jadi dia bawak kereta saya bawak basikal.

**NJ** : Bagaimana perasaan encik semasa mendapat berlakon dalam cerita Basikalku?

**ZI** : Memang lah tak tahu nak gambarkan perasaan macam mana memang lah suka, suka sangat, *happy* [bahagia] sangat jadi walaupun tak pernah terfikir nak jadi pelakon tapi peluang yang ada tu saya *grab* [capai] lah, saya seronok lah.

**NJ : Siapakah pelakon yang terlibat bersama encik ketika itu?**

**ZI :** Semua boleh dikatakan pelakon-pelakon baru antara kebanyakannya sudah tak ada lah dalam industri kecuali Sani Sudin dari kumpulan Tasa, masa tu belum wujud kumpulan Tasa lagi , Sani Sudin masih ada aktif, arwah Nasir Ali dah meninggal tapi dia aktif dah sampai keujung usia yang lain-lain tu yang jadi heroin tu Allahyarham Faridah Abdullah dia dah lama meninggal saya rasa *sepuluh tahun, lima belas* [15] tahun selepas drama tu dia meninggal di *London* dia pergi *further* [sambung] *study* [belajar] dia meninggal, dia adalah guru Bahasa Inggeris di Sekolah STAR apati di Kedah tu yang lain siapa lagi ye saya tak ingat dah lama dah nak dekat *tiga puluh lapan tahun* [38] tak ingat sangat dah.

**NJ : Bagaimanakah perasaan encik ketika pertama kali berada di set penggambaran?**

**ZI :** Macam-macam perasaan ada berdebar-debar la takut la aa macam-macam rasa lah.

**NJ : Pada ketika itu, adakah filem tersebut mendapat sambutan?**

**ZI :** Okay, masa tu TV3 cuma ada di Kuala Lumpur dan Ipoh budak muda tak tahu tu. TV3 masa mula-mula Kuala Lumpur saja, Lembah Klang saja pastu sampai ke Ipoh pastu sampai ke Johor. Kedah apa semua ni lambat sangat baru dapat jadi setakat dekat Kuala Lumpur dengan Ipoh ni sangat dapat sambutan bagus lepastu respon orang bagus, komen tu apa semua banyak sangat komen-komen yang positif. Saya jumpa *New Straits Times* tapi saya tak simpan, *paper cutting* [keratan kertas] lain saya simpan, *paper cutting* [keratan

kertas] tu saya tak simpan. Tajuk dia saya terharu sangat dengan tajuk dia, '*A Star is Born*', penulis dia baru je meninggal, pada satu hari saya cari orang kata dah meninggal baru lagi, Ziman nama penulis tu baru je meninggal, saya nak jumpa dia nak minta *paper cutting* tu menarik tajuk dia *A Star Is Born* yang lain tu biasalah terutama kisah masyarakat, kisah *student* kisah apa. Dia cerita tu teliti tentang kisah student siapa *grad UM* [Universiti Malaya] memang akan nangis, terharu sebab UM tu sebab *detail* [teliti]. Contoh setiap satu jam, jam di dewan di UM tu akan berbunyi.

**NJ** : Adakah encik pernah mempunyai halangan dalam mendalami watak yang ditawarkan?

**ZI** : Halangan tu tidak--- tapi mungkin kurang ilmu jadi saya kena cari contohnya masa mula ditawarkan watak dalam gerak khas saya tak kenal sangat watak dalam polis, saya pergi ke museum. Benda pertama saya buat mengenali tanda-tanda pangkat pada bahu lengan dan juga batch saya hafal semua tu untuk tahu. Itu bukan halangan lah tapi kekurangan ilmu saya. Sama juga bidang lain semasa *shooting* [penggambaran] kena bawa trektor, saya bawa trektor tu macam mana nak *reverse* [mengundur] nak apa semua macam mana. Nak kata halangan tu saya tak nampak la ada halangan yang besar.

**NJ** : Antara watak-watak yang dibawa, watak apakah yang menjadi kegemaran encik?

**ZI** : Saya suka watak yang berbeza dengan saya yang sebenar tiada khusus yang mana-mana tapi berbeza dengan saya yang sebenar itu yang saya suka macam watak saya jadi

perempuan, saya lelaki tapi saya bawak watak jadi perempuan jadi saya agak *cool* [tenang], saya suka watak yang panas baran sebab saya *cool* [tenang], kalau saya bawak watak *cool* [tenang] sama je. Saya suka watak yang berbeza dengan saya, saya pernah berlakon watak jahat ada pernah dulu masa muda watak budak kampung kacau orang pastu datang *KL* [Kuala Lumpur] malam malam dekat kelab watak yang berbeza dengan saya. Nak kata watak khusus tu takdelah lagi satu watak berlakon sebagai orang yang sebenar macam saya berlakon untuk Dato S. Roomai Noor, watak yang memang pernah ada saya terpaksa berlakon watak dia.

**NJ** : Okay sekarang kita beralih ke soalan seterusnya, berapa lamakah masa yang diambil oleh encik untuk menghafal skrip lakonan?

**ZI** :(Zulikfli Ismail sedang berfikir---) Orang tanya pasal hafal ni susah nak cakap, tiga minit empat minit? Nak hafal lah? (Najihah menjawab “Ya”) Tapi saya dah baca dah sebelum tu. Dapat skrip saya baca habis contoh ada *enam puluh* [60] episod saya baca sampai habis. Berperingkat tengok keadaan lah sebab skrip pun saya dapat dua minggu atau sebulan sebelum *shooting* [penggambaran]. Harini saya baca tiga episod rileks, esok baca tiga episod rileks jadi dah tahu cerita. Bila nak *shooting* [penggambaran] tu baru saya hafal, “okay bang, kita *shooting* episod *empat puluh lapan* [48] *scene* [babak] *lima belas* [15]” saya pun ambil hafal lah dalam tiga empat minit macamtu lah.

NJ : (Najibah mencelah “Ada ke pelakon gather sama-sama dekat meja baca skrip?”)

ZI : Mula-mula masing-masing bila dah dapat skrip tu sambil tukar baju ke sambil *makeup* [solekan] ke, “okay kita *rehearsal* [berlatih] dulu duduk kat sini dulu perkataan jangan ubah” lepastu baca-baca *settle* [siap] semua masuk set sebelah. Lepas masuk set skrip dah tak boleh bawa dah, kadang-kadang tu terpaksa bawa tapi kalau boleh tak payah sebab dah ada dalam kepala. Bukanlah kata dari pagi menghafal tu takde, sebab takkan nak hafal semua enam puluh episod tu kan *so* [jadi] masa nak buat tu lah hafal. Lepas tu dah hafal hafal tu,---“maaf semua kita ada sedikit masalah, kita tukar kita buat babak *empat puluh tiga* [43] dulu” --buka hafal yang lain. Sebab masa pun takde kalau nak setengah jani nak menghafal tak boleh. Mula-mula hafal dulu sebab pelakon yang dah lama ni, dia baca tu dah dengan emosi dah. Mula mungkin dia tak faham jadi dia baca biasa dulu contoh dia baca dialog tu mungkin boleh “Kenapa semalam awak tak datang” (Zulkifli Ismail melakonkan contoh skrip lakonan) pastu bila baca tu tak boleh macam tu dia kena marah barulah betul. Tadi dia baca je ataupun dia baca baca tu tak boleh marah kena menangis ni, sebut dengan menangislah.

NJ : Baiklah, soalan seterusnya, apakah dugaan yang dihadapi oleh encik apabila melibatkan diri dalam bidang lakonan?

ZI : Dugaan banyak lah, dugaan banyak sangat antara dugaan nya dari segi ekonomi sebab penggambaran bukan selalu ada, pendapatan bukan selalu ada, ada kerja ada gaji dan tidak ada KWSP tidak ada pencen tidak ada semua selalu *overtime* [lebih masa], *shooting*

[penggambaran] balik pukul dua belas malam pun sama je, *shooting* [penggambaran] balik pukul tiga pagi pun takde apa apa dan apni--- pendapatan yang tidak menentu dari segi ekonomi tak boleh nak buat *loan* [pinjaman] sebab itu saya lambat nak beli rumah sebab tak boleh nak buat *loan* [pinjaman]. Pelakon-pelakon bank takkan luluskan *loan* [pinjaman] sebab tidak ada sandaran apa-apa dari segi pendapatan walaupun bayar *income tax* [cukai pendapatan] ada tapi itu untuk pendapatan tahun lepas--- tidak ada jaminan untuk pendapatan tahun depan sebab nak buat *loan* [pinjaman] rumah dua puluh tahun, setakat loan kereta tiga empat tahun itupun susah nak lulus sebab kena tengoklah harga kereta apa semua kan. Jadi cabaran lain, pandangan masyarakat, persepsi masyarakat terhadap artis, bukan semua suka ada yang tak suka, ada orang bila sebut artis je pandang negatif. Tambahan pula, media kita pun kalau artis tu hisap dadah ke kena tangkap khalwat ke memang itu akan di *highlight* [penyerlah] kan akan *viral* [tular] tapi kalau ada artis tu tak pernah tinggal solat dhuha tak pernah pun tengok di *viralkan* ke orang buat tak tahu je, orang buat tak kisah je maksudnya orang lebih nak tahu yang buruk tu kan daripada yang baik. Alhamdulillah setakat ni saya tak terlibat dengan sebarang kontroversi.

## ANUGERAH/PENCAPAIAN

**NJ** : Dari segi penganugerahan, bolehkah jika encik berkongsi serba sedikit tentang anugerah yang pernah encik peroleh?

**ZI** : Saya tidak pernah menerima apa-apa anugerah dalam bidang seni. Beberapa kali tercalon ke peringkat akhir pelakon lelaki terbaik tapi tak pernah menang, anugerah Bintang Popular pun masuk tapi tak pernah sampai *final* [pengakhiran]. Macam saya kata lah, saya bukan pelakon yang popular sangat bukanlah pelakon yang terbaik sangat tapi saya kekal berada di dalam industri dengan umur saya yang macamni itu je kelebihan saya dan macam dalam media sosial kalau nak dibandingkan dengan kawan kawan yang lain saya dah kedepan yang tu saya bersyukur lah macam *Tiktok dua ratus ribu* lebih [200 000] pengikut saya tengok kawan kawan yang lain pun tak sampai, ada yang takde pun *Tiktok*, ada yang ada *Tiktok* tapi tak sampai, ada yang cuba berjoget itu joget ini tak boleh naik, saya alhamdulillah tak pernah berjoget pun. (Zulkifli Ismail ketawa sedikit) Mungkin sebab saya pernah jadi wartawan jadi saya tahu macam mana nak buat laporan mungkin itu kelebihan saya lepastu saya tahu berlakon, saya gabung dua tu. Dari segi anugerah tak pernah macam anugerah dalam bidang lakonan lah, anugerah dari sukan kedah adalah satu pingat kecil, saya ada pingat dia panggil Bintang Keprihatinan Masyarakat.



NJ :Bolehkah encik nyatakan satu daripada aktiviti kebajikan atau persatuan tersebut?

ZI : Dalam kebanyakan yang dibuat tu persatuan lah, apa yang persatuan tu buat saya *support* [sokong] je lah. Tapi kalau nak secara individu, apa yang saya buat untuk veteran ialah melaporkan kalau ada artis yang sakit, masuk hospital atau meninggal itu saya gunakan *Facebook* dan *Instagram* saya untuk benda-benda yang macam tu. Kalau ada artis sakit atau meninggal saya akan wawarkan sampai sekarang ni kalau ada artis meninggal orang akan *call* [hubungi] saya minta *confirmation* [kepastian]. Contoh macam arwah Salim, dilaporkan dia meninggal saya *call* [hubungi] member dekat *HUKM* [Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia] ---“eh ada, ada lagi dekat *HUKM*” --- saya pergi dekat *HUKM* melawat dia bila balik saya post “Berita Salim telah meninggal tidak benar” itu je lah kalau nak anggap sumbangan saya secara peribadi lah lepastu kalau ada yang sakit tu saya maklumkan bukan apa kalau ada orang nak bantu. Salim lepas lama berita tu baru dia meninggal betul, saya pergi masa dia meninggal tu tu pun saya dapat *call* [panggilan] pagi pagi kawan dari hospital “bang, salim dah meninggal”. Macam haritu saya pergi *shooting* [penggambaran] di Melaka, saya pergi ke rumah Roslan Salleh ambil gambar dia saya letak lepas saya dah pergi tu ada orang *call* [hubungi] saya ---“bang macan man? nak bagi sumbangan dekat Roslan Salleh” --- saya bagi nombor isteri dia. Saya tolong macam tu je lah, saya nak sumbangkan saya tak mampu nak sumbang ribu ribu, ni saya tolong cari, saya wawarkan siapa nak bantu pergi kat dia, jangan datang kat saya dulu benda macam tu tak mahu pergi *direct* [terus] dekat dia minta nombor akaun isteri dia bagi. Sekarang dia dah buta jadi kalau dalam persatuan tu ikut aktiviti persatuan lah apa yang diorang buat.

**NJ** : Jadi kita teruskan dengan soalan kedua terakhir, apakah harapan yang encik belum pernah tercapai?

**ZI** : Bila dah umur macamni, saya dah tak fikir apa apa sebab saya bersyukur dengan apa yang ada je lah tak timbul lah kut harapan yang tak tercapai nak kata tak tercapai maksudnya capai tak capai pun bersyukur je lah maknanya takdelah saya nak fikir “Oh nak menang anugerah tu” itu tak pernah ada. Nak kata tak tercapai takde la kut impian yang tak tercapai tu. Nak kata nak tengok anak-anak berjaya alhamdulillah anak-anak pun dah berjaya. Macam *shooting* [penggambaran] pun setakat ni *okay* [baik] lah, waktu kawan-kawan semua berehat hilang dari radar saya masih ada, bersyukur je lah dengan apa yang ada.

**NJ** : Jadi apakah perancangan encik untuk masa hadapan dalam bidang ini?

**ZI** : Itu pun lebih kurang yang tadi je lah, tidak ada apa-apa perancangan. Sebab dah umur macam ni lah kan nak rancang lebih-lebih pun tak tahu berapa panjang masa masih ada. Takde nak rancang apa-apa cuma saya harap saya akan ada *job* [kerja] atau tawaran untuk berlakon sepanjang selagi saya masih sihat saya akan teruskan kerjaya dalam bidang lakonan, kalau rasa macam saya dah tak sihat tu tak tahu nak buat apa dah setakat ni saya minta supaya saya sihat je lah dan mampu untuk membawa watak-watak yang ditawarkan. Selain dari itu, kalau ada lah saya nak menulis buku, (Najihah mencelah “buku jenis apa tu?”) buku saya dah pernah ada dulu lepastu buku jenis apa tu saya terfikir kadang-kadang nak buat novel, kadang-kadang terfikir nak buat puisi ke ataupun buat buku buku umum dan perancangan nak meningkatkan taraf pendidikan lah kut nak sambung belajar lah

secara mudahnya.--- Ilmu ni tak semestinya nak guna untuk bekerja sebabtu saya tak setuju bila orang kata “alah tak sekolah tinggi pun boleh berjaya” tak bukan sekolah tinggi tu berjaya ke tidak berjaya itu cerita lain, ni ada orang kadang-kadang mendabik dada tak sekolah tinggi kaya, kaya itu cerita lain. Kalau orang kata belajar tinggi-tinggi nak gaji besar pun saya tak setuju, belajar tinggi-tinggi tu untuk dapat ilmu yang banyak, gaji kecil ke besar itu cerita lain. Tapi berbeza lah orang kaya dengan ilmu beza, sebab ada pepatah inggeris mengatakan ‘*A fool and with his money will be departed*’ orang bodoh dan duit nya akan berpisah. Pada saya, ilmu apa-apa pun penting jangan anggap kos lain tak penting sebab kos apa sekalipun penting.

**-TAMAT BAHAGIAN EMPAT –**

**AS** :Dengan ini kami menamatkan sesi temubual bersama encik, aaaa terima kasih kerana meluangkan masa menjawab semua soalan.

**ZI** :Jadi saya pun ucap terima kasih juga alah kerana memilih saya untuk *interview* [temubual], saya rasa sumbangan saya dihargai juga lah. Minta maaf lah kadang-kadang jawapan saya banyak melalut.

**-TAMAT SESI TEMUBUAL-**

# RUJUKAN

## RUJUKAN

- Nasional, M. (2023b, April 25). Zulkifli Ismail rancang terbit buku loghat Kedah. *NasionalKini*. <https://www.nasionalkini.my/hiburan/zulkifli-ismail-rancang-terbit-buku-loghat-kedah/>
- Sudirman Mohd Tahir. (2022, December 22). *Zulkifli Ismail setia menyewa rumah selama 32 tahun*. *Harian Metro; New Straits Times*.  
<https://www.hmetro.com.my/rap/2022/12/918099/zulkifli-ismail-setia-menyewa-rumah-selama-32-tahun>
- Serimah Mohd Sallehuddin. (2021, September 5). *Zulkifli tinggal kerjaya wartawan demi lakonan*. *Berita Harian; Berita Harian*.  
<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/09/860074/zulkifli-tinggal-kerjaya-wartawan-demi-lakonan>
- Siakap Keli Press & Posted By: Siakap Keli Press. (2022, June 10). *Kenali Anak Pelakon Zulkifli Ismail, Pensyarah Hebat di Korea*. Siakap Keli Press.  
<https://www.siakapkelibbn.my/2022/06/kenali-anak-pelakon-zulkifli-ismail-pensyarah-hebat-di-korea/>
- Zulkifli Ismail (pelakon). (2023, August 5). In Wikipedia.  
[https://ms.wikipedia.org/wiki/Zulkifli\\_Ismail\\_\(pelakon\)](https://ms.wikipedia.org/wiki/Zulkifli_Ismail_(pelakon))
- Zulkifli Ismail*. (n.d.). The Movie Database. <https://www.themoviedb.org/person/1272340-zulkifli-ismail>

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN 1 — LOG WAWANCARA

Alies Safraa Azizul dan Nur Najihah Solihah menemubual Encik Zulkifli Ismail yang dilahirkan pada 26 April 1963, Perlis. Beliau ialah seorang salah satu tokoh seni yang masih giat berada di dalam bidang lakonan selama hampir 40 tahun. Sesi temubual tersebut dijalankan di kediaman Encik Zulkifli Ismail yang terletak di Jalan Pandan Indah, Kajang. Sesi temubual ini dijalankan pada hari 27 Mei 2023 bermula jam 10:00 pagi.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG SENIMAN</b>		
00:29 – 10:22	Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"><li>• Nama penuh Zulkifli Bin Ismail.</li><li>• Berumur 60 tahun.</li><li>• Dilahirkan dan dibesarkan di Kampung Permatang Gunung, Gurun, Kedah.</li><li>• Tinggal bersama seorang isteri (Ummi Salbiah Binti Abdul Rahman) dan seorang anak lelaki, anak perempuan menetap di luar negara sebagai pensyarah bahasa di Korea.</li><li>• Merupakan anak tunggal.</li><li>• Ibu bapa telah bercerai dan mempunyai adik tiri sebanyak 6 orang.</li><li>• Gemar membaca buku dan mempunyai sebuah perpustakaan kecil di rumah yang menempatkan beberapa buku untuk dibaca pada masa lapang.</li></ul>

10:22 – 19:26	Latar belakang pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersekolah rendah di Sekolah Rendah Inggeris Gunung.</li> <li>• Setelah meningkat umur 15 tahun, beliau bersekolah di Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR) di Ipoh.</li> <li>• Melanjutkan pelajaran di tingkatan enam di Sekolah Menengah Dato Syed Omar.</li> <li>• Mula bekerja sebagai wartawan di RTM buat sementara waktu lalu berhenti dan jadi pelakon sehingga hari ini.</li> <li>• Semasa menjadi pelakon, beliau disarankan untuk sambung belajar di Universiti Sains Malaysia (USM) bagi memperoleh ilmu yang banyak tentang lakonan.</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 2: BIDANG LAKONAN</b>		
19:26 – 29:41	Bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sudirman merupakan idola kepada Encik Zulkifli dalam bidang lakonan.</li> <li>• Lebih menyukai genre filem yang meningkatkan lagi nilai seni berbanding dengan drama romcom biasa.</li> <li>• Mengalami sedikit kesusahan ketika Covid-19 disebabkan tidak ada tawaran untuk berlakon.</li> <li>• Encik Zulkifli memberi nasihat kepada anak muda yang ingin menceburi dalam bidang lakonan</li> </ul>



		<p>untuk menyambungkan pelajaran terlebih dahulu bagi dapat mengenali dan menjiwai watak sebelum terus masuk ke dalam bidang lakonan yang sebenar.</p>
29:41 – 49:17	Pendapat atau persepsi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peredaran zaman telah memudahkan kerja-kerja yang melibatkan lakonan dan penggambaran iaitu dari segi pencahayaan, pengeditan dan juga alat elektronik dan digital yang bersolusi tinggi untuk menjalankan penggambaran yang terang.</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 3: PERTANDINGAN</b>		
50:00 – 54:44	Pertandingan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyertai pertandingan sajak semasa di zaman sekolah.</li> <li>• Membuat persembahan semasa majlis perpisahan guru praktikal.</li> <li>• Semasa di zaman universiti (USM) selalu membuat persembahan lakonan.</li> <li>• Merindui Cikgu Karimah Hamad yang berasal dari Kelantan.</li> </ul>
54:50 – 01:07	Penglibatan dalam bidang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Banyak menulis sepertinya sajak, berita dan juga menjadi tukang juru gambar untuk dihantar kepada surat khabar.</li> <li>• Memperoleh sedikit upah semasa di zaman universiti sebanyak RM10 hingga RM20.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pernah menulis puisi untuk Utusan Melayu dan mendapat cek yang pertama tetapi tidak pernah dituntut sebab sayang.</li> <li>• Mempunyai minat dalam bidang lakonan sejak menonton satu teater yang dianjurkan oleh Khalid Salleh pada tahun 1985 berjudul 'Ulek Mayang'.</li> <li>• Ditawarkan untuk berlakon oleh Nasir Ali yang juga merupakan pensyarah di universiti beliau belajar pada ketika itu.</li> <li>• Pernah ditipu semasa berada di dalam industri seni antaranya selepas penggambaran selesai tetapi tidak dibayar.</li> <li>• Beliau pernah cedera di bahagian kaki ketika melakonkan babak yang dirempuh kereta.</li> <li>• Dijangkiti demam denggi berdarah sehingga terpaksa dikejarkan ke hospital selama 20 hari.</li> <li>• Beliau selalu menjaga kesihatan agar sentiasa berkemampuan untuk bekerja.</li> <li>• Suka membaca buku bagi mengasahkan lagi pemikiran.</li> </ul>
--	--	---

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak menyukai perjumpaan yang hanya berbual kosong dan inginkan satu perbualan yang bermakna.</li> </ul>
01:07 – 01:07	Penglibatan lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak pernah melibatkan diri dalam penglibatan lain seperti nyanyian.</li> </ul>
01:08 – 01:11	Penglibatan dalam politik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Encik Zulkifli tidak mempunyai apa-apa penglibatan dalam politik dan tidak pernah menjadi ahli untuk mana-mana parti politik.</li> <li>• Mengelakkan diri untuk berpihak mana-mana parti politik bagi menjaga imej diri daripada dikritik oleh parti-parti lain.</li> <li>• Sentiasa menyokong sesiapa yang menjadi Perdana Menteri kerana beliau percaya siapa yang memegang jawatan sebagai Perdana Menteri adalah layak.</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 4: FILEM/DRAMA</b>		
01:11 – 01:26	Filem atau drama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melakonkan drama pertama yang berjudul 'Basikalku' yang merupakan telemovie pertama dalam cerekarama yang ditayangkan pada setiap hari Sabtu.</li> <li>• Filem 'Basikalku' mendapat banyak sambutan daripada Kuala Lumpur dan juga Ipoh kerana pada waktu itu, TV3 hanya ditayangkan di Kuala Lumpur dan Ipoh sahaja. Lama</li> </ul>

		<p>kemudian baru sampai ke Johor, Kedah dan lain-lain.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Filem ini telah menembusi masuk surat khabar New Straits Time yang berjudul 'A Star is Born'.</li> <li>• Mendapati kekurangan ilmu dalam watak-watak yang ditawarkan seperti contoh watak polis.</li> <li>• Lebih menyukai watak yang berlainan daripada diri beliau yang sebenar iaitu seorang yang sangat tenang.</li> <li>• Mempunyai kelebihan dalam menghafal skrip lakonan selama 3 ke 4 minit sahaja sebelum memulakan penggambaran.</li> <li>• Mengalami dugaan dari segi ekonomi disebabkan penggambaran drama yang merupakan pekerjaan yang tidak tetap.</li> <li>• Tidak boleh membuat loan di bank disebabkan tiada pekerjaan tetap, tidak mempunyai pencen dan juga KWSP.</li> <li>• Amat menitikberatkan pandangan masyarakat terhadap artis.</li> <li>• Sentiasa menjaga tingkah laku di khalayak ramai untuk mengelakkan kontroversi.</li> </ul>
--	--	--

01:26 – 01:36	Anugerah dan pencapaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak pernah memenangi apa-apa anugerah.</li> <li>• Pernah tercalon ke peringkat akhir pelakon lelaki terbaik tapi tidak pernah menang.</li> <li>• Mempunyai kelebihan berbanding artis veteran yang lain dalam media sosial.</li> <li>• Beliau mempunyai pengikut beratus-ratus ribu di Tiktok, Instagram dan juga Facebook.</li> <li>• Memegang peranan sebagai seorang yang sentiasa melaporkan berita yang melibatkan para artis seperti jatuh sakit, meninggal dan sebagainya.</li> <li>• Sentiasa bersyukur dengan apa yang ada dan tidak pernah meminta lebih</li> <li>• Tidak mempunyai harapan yang tidak tercapai kerana sentiasa redha dengan ketentuan Ilahi.</li> <li>• Beliau berharap di depan hari beliau masih ditawarkan untuk berlakon selagi masih sihat.</li> <li>• Beliau berhasrat untuk menulis dan menerbitkan buku seperti novel, puisi atau buku-buku umum.</li> <li>• Jika diberi peluang dan kesempatan ingin menyambung pelajaran bagi mencari ilmu.</li> </ul>
---------------	-------------------------	--

## LAMPIRAN 2 — DIARI KAJIAN

TARIKH	MASA	AKTIVITI	REFLEKSI/TINDAKAN
20 Mac 2023	11:00 pagi - 12:50 Tengahari	Penerangan Projek Penyelidikan Sejarah Lisan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Puan Nurulannisa bahawa tugas perlu dilakukan secara berpasangan.</li> <li>2. Puan Nurulannisa menerangkan kepada pelajar tentang:               <ol style="list-style-type: none"> <li>i) Kaedah, fasa dan Tarikh akhir penyerahan projek.</li> <li>ii) Mencari tokoh seni industri tanah air kategori veteran yang berusia 50 tahun ke atas.</li> </ol> </li> </ol>
20 Mac 2023	2:00 petang	Pembentukan, Pencarian dan Perbincangan kumpulan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nur Najihah Solihah Binti Che Gi dan Alies Safraa Binti Azizul telah bersetuju membentuk sebuah kumpulan.</li> <li>2. Melakukan kajian dalam membuat pemilihan tokoh dan telah bersetuju untuk memilih tokoh dari seni lakonan.</li> </ol>
21 Mac 2023	11:00 pagi - 5:00 petang	Pencarian dan penyemakan tokoh dalam sejarah lisan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Najihah dan Alies memulakan aktiviti mencari beberapa tokoh.</li> <li>2. Melakukan senarai semak tokoh agar tidak berlaku perselisihan pencarian tokoh yang sama dengan pelajar yang lain.</li> </ol>
22 Mac 2023	11:00 pagi	Pemilihan Tajuk dan Tokoh Sejarah Lisan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hasil perbincangan antara Najihah dan Alies telah bersetuju untuk menetapkan tajuk yang Bernama "<i>Perjalanan Seniman Suntik Semangat Generasi</i>"</li> <li>2. Antara tokoh yang seniman yang ingin dipilih:               <ol style="list-style-type: none"> <li>i) Datuk Jalaludin Hassan (Seni Lakonan)</li> <li>ii) Encik Zulkifli Ismail (Seni Lakonan)</li> <li>iii) Datuk Mokhzani Mokhtar (Seni Muzik).</li> </ol> </li> <li>3. Merangka proses cara menghubungi artis-artis tersebut bagi mendapatkan kata putus untuk ditemubual.</li> </ol>
3 April 2023		Penyerahan abstrak dan soalan temubual	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghantar abstrak dan soalan temubual kepada Puan Nurulannisa melalui google classroom untuk disemak dengan lebih lanjut.</li> <li>2. Abstrak dan soalan-soalan temubual disemak oleh Puan Nurulannisa dan telah dikomen untuk melakukan perubahan ke atas beberapa soalan tersebut.</li> </ol>

			<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Puan Nurulannisa memberi kelulusan untuk meneruskan menemubual tokoh seniman iaitu Encik Zulkifli bin Ismail tetapi Puan Nurulannisa telah meletakkan syarat agar menambahkan lagi banyak tema lain.</li> </ol>
7 April 2023	10:54 Pagi - 5:00 Petang	Menghubungi Tokoh Seniman	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengarang ayat dengan baik untuk menghubungi seniman agar tidak menyinggung mana-mana pihak. Untuk melamar seseorang bagi ditemubual memerlukan tingkah laku dan intonasi yang baik.</li> <li>2. Mula menghubungi Encik Zulkifli Ismail di laman Instagram pada pukul 10;54 pagi bertarikh 7 April 2023 demi mendapatkan persetujuan untuk ditemubual.</li> <li>3. Menghubungi Datuk Jalaludin Hassan melalui laman Whatsapp.</li> <li>4. Menghubungi Dato Mokhzani Mokhtar melalui laman Whatsapp</li> </ol>
14 April 2023	9:37 Malam	Tindak Balas Seniman	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Encik Zulkifli ialah seniman pertama yang telah memberi tindak balas dan bertanyakan ingin menemubual secara atas talian atau berjumpa dan menyatakan dalam Tarikh pertengahan mac beliau agak sibuk dengan jadual penggambaran drama terbaru iaitu "Andai itu takdirnya".</li> </ol>
3 Mei 2023	9:02 Malam - 11:00 Malam		<ol style="list-style-type: none"> <li>2. Walau bagaimanapun, Encik Zulkifli sendiri telah menghubungi dan bertanyakan tentang temubual tersebut dan bila ingin menemubual dirinya.</li> </ol>

13 Mei 2023	9:20 Malam	Tindak Balas Seniman	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Encik Zulkifli Bin Ismail sekali lagi menghubungi dan menetapkan Tarikh pada 27 Mei serta memberikan nombor telefon untuk dihubungi dan membincangkan tentang tembual dengan lebih lanjut dan memudahkan pelbagai pihak.</li> </ol>
14 Mei -16 Mei 2023	9:00 Pagi - 12:00 Tengahari	Menyelesaikan Tugas	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membaiki dan menambah tema soalan untuk ditunjukkan kepada Puan Nurulannisa.</li> </ol>
17 Mei 2023	9:00 pagi	Penyerahan Soalan Temubual	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Setelah seniman bersetuju dan menetapkan Tarikh, kami telah menyiapkan soalan dan menghantar kepada Puan Nurulannisa untuk disemak melalui google classroom.</li> <li>2. Walaubagaimanapun, ada beberapa perubahan berkaitan soalan yang perlu kami ubah untuk mengemaskan lagi soalan kami sebelum kami menggunakan soalan-soalan tersebut kepada seniman.</li> </ol>
17 Mei 2023	2:00 Petang	Menyelesaikan tugas membaiki.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kami membaiki soalan temubual dengan menambah beberapa lagi tema lain.</li> </ol>
20 Mei 2023	11:00 Pagi - 12:50	Penyerahan Soalan Temubual dan Proposal	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Setelah selesai melakukan perubahan, kami menghantar semula soalan-soalan interview untuk disemak sekali lagi melalui google classroom.</li> <li>2. Puan Nurulannisa meminta kami untuk mengadakan sesi google meet bagi menerangkan dan sesi semakan bersama kami agar dapat menjelaskan informasi dengan lebih mendalam.</li> <li>3. Namun begitu, terdapat beberapa lagi kesalahan yang perlu diubah sekali lagi demi memastikan kekemasan soalan.</li> <li>4. Soalan -soalan temubual tersebut terus dibaiki dan ditunjukkan semula kepada Puan Nurulannisa. Puan Nurulannisa telah meluluskan dan memberi kami kebenaran untuk melanjutkan langkah yang seterusnya iaitu ke sesi temubual.</li> </ol>



20 Mei 2023	3:00 Petang	Menghubungi seniman untuk persetujuan menetapkan tarikh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kami telah memberi kelebihan dan mengutamakan pihak seniman untuk menentukan Tarikh memandangkan jadual pengambaran beliau yang mungkin padat.</li> <li>2. Oleh itu, Encik Zulkifli bin Ismail telah menyatakan dia hanya mempunyai masa pada hujung minggu dan telah menetapkan pada 27 mei 2023 pada pukul 10:00 pagi .</li> <li>3. Encik Zulkifli telah mencadangkan sesi temu bual dibuat di rumahnya di Taman Saujana Impian, Kajang. Encik Zulkifli memberi lokasi perumahannya melalui whatsapp.</li> </ol>
21 Mei - 27 Mei 2023	3:00 Petang - 5:00 Petang		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sentiasa menghubungi dan berada dalam talian untuk mendapat maklumat dari semasa ke semasa.</li> </ol>
27 Mei 2023	9:00 pagi - 1:00 Tengahari	Sesi Temubual Dijalankan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tiba di kediaman seniman pada pukul 9:00 pagi. Kami bertolak awal supaya dapat membuat persiapan tempat dengan teratur tanpa membazir lebih masa jika terlambat.</li> <li>2. Kami dijemput untuk menikmati kuih-muih oleh Encik Zulkifli sebelum memulakan sesi temubual.</li> <li>3. Sesi temu bual secara bersemuka dimulakan pada pukul 10:00 pagi.</li> <li>4. Temu bual dikendalikan oleh Nur Najihah Solihah dan Alies Safraa serta dibantu oleh anak lelakinya Zulzarif Irfan.</li> </ol>
13 Jun 2023 - 24 Julai 2023	Setiap hari (10: pagi- 11:00 malam)	Penyiapan tugasan selepas sesi temu bual. (Kajian dan penulisan kertas kerja)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Beberapa hari setelah selesai temu bual tersebut, kami menyiapkan beberapa tugasan iaitu Research Diary, Writing Article, Medium and Recording Information, dan transkrip.</li> </ol>
29 Julai 2023	12:00 malam	Penghantaran tugasan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Setiap tugasan dihantar ke setiap folder yang berada di platform google classroom mengikut kelas yang ditetapkan oleh Puan Nurulannisa.</li> </ol>
31 Ogos 2023	8:00 pagi	Penghantaran Tugasan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Softcopy dan hardcover transkrip bersama audio dan video di dalam CD juga telah dihantar kepada Puan Nurul Annisa.</li> </ol>

## LAMPIRAN 3 — SENARAI SOALAN

ENCIK ZULKIFLI BIN ISMAIL

PERJALANAN SEORANG TOKOH SENI

SOALAN-SOALAN TEMU BUAL BERSAMA ENCIK ZULKIFLI BIN ISMAIL

### AYAT PERMULAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni lakonan. Bersama-sama kami ialah Tuan Zulkifli Ismail yang merupakan seorang pelakon dari tahun 1983 sehingga kini. Rakaman ini dijalankan pada Tarikh 27 Mei 2023 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 10 pagi bertempat di Taman Saujana Impian, Kajang. Temubual ini dikendalikan oleh Alies Safraa Binti Azizul dan Nur Najihah Solihah Binti Che Gi. Sebelum itu, ingin kami tekankan bahawa focus soalan kami akan lebih menjurus kepada latar belakang, Pendidikan dalam bidang lakonan, anugerah dan sumbangan, harapan dan pendapat Tuan Zulkifli Ismail. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan. Assalamualaikum Encik Zulkifli, jadi saya mulakan tembual ini dengan bertanyakan tentang latar belakang encik.

### SOALAN TEMUBUAL

#### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG DIRI

1. Bolehkah Encik nyatakan nama penuh encik?
2. Adakah encik mempunyai nama samaran dalam kalangan keluarga atau rakan-rakan?
3. Tarikh lahir encik dilahirkan?
4. Dimanakah tempat kelahiran encik?
5. Adakah disitu juga tempat encik dibesarkan?
6. Pada tahun ini berapakah umur encik?
7. Dengan siapa encik menetap sekarang?
8. Pada tahun bilakah encik mendirikan rumah tangga?
9. Siapakah nama isteri encik?
10. Apakah pekerjaan isteri encik?

11. Encik dikurniakan berapakah cahaya mata?
12. Berapakah bilangan adik-beradik encik Dan encik anak yang keberapa?
13. Boleh saya tahu,pada masa lapang aktiviti apa yang encik lakukan untuk mengisi masa lapang tersebut?
14. Bolehkah encik ceritakan sedikit mengenai cara didikan encik kepada anak-anak encik?
15. Pernahkah encik menerima sebarang bantuan ketika pengajian di Universiti?
16. Apakah cita-cita encik semasa kecil?
17. Apakah salah satu ungkapan nasihat yang selalu terukir di bibir kedua ibu bapa kepada encik?

#### **LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

18. Dimanakah encik melanjutkan pelajaran semasa di sekolah rendah?
19. Setelah tamat zaman sekolah menengah, adakah encik menyambung pelajaran di peringkat lain?
20. Dimanakah encik menyambung pelajaran selepas itu?
21. Adakah encik pernah memenangi sebarang anugerah akademik ketika zaman dahulu?
22. Adakah encik pernah melakukan pekerjaan sambilan ketika cuti semester?
23. Apakah pengorbanan yang dilakukan oleh ibu dan bapa ketika encik melanjutkan pelajaran?

#### **BAHAGIAN 2: BIDANG LAKONAN**

24. Adakah encik mempunyai idola yang memberi inspirasi dalam menceburi bidang lakonan ini?
25. Siapakah idola encik tersebut?
26. Apakah dorongan atau inspirasi yang encik perolehi dari idola tersebut?
27. Pada pendapat encik, encik lebih cenderung untuk memilih genre filem yang bagaimana?
28. Apakah ada sebarang faktor untuk encik memilih genre ini?
29. Adakah genre ini mudah untuk dilakonkan?
30. Selama encik berada di dalam industri ini, bilakah encik menyedari tentang perkembangan encik?
31. Semasa pandemic baru-baru ini, apakah kesan kepada kehidupan encik?
32. Apakah aktiviti yang encik lakukan semasa pandemic?

33. Apakah persediaan awal yang diperlukan sebelum menceburi industry lakonan?

#### **PENDAPAT ATAU PERSEPSI**

34. Apakah pendapat encik tentang industri seni pada zaman kini dengan zaman dulu?
35. Bolehkah encik ceritakan sedikit persepsi encik mengenai artis veteran dan baru dari segi kemahiran, sikap dan penampilan mereka?
36. Bagaimana dengan penggunaan peralatan Pengambaran ketika di set Pengambaran?
37. Apakah pandangan encik terhadap artis veteran kita di dalam industri seni pada masa kini?
38. Pada pendapat encik, bagaimanakah cara untuk kekal bertahan dalam industri seni?
39. Dari pendapat encik, adakah pelakon boleh mempengaruhi penontonnya dengan lakonannya?
40. Apakah yang menyebabkan pelakon boleh mempengaruhi penontonnya atau peminatnya?
41. Apakah tips yang encik ingin kongsi terhadap anak-anak muda yang ingin menceburi dalam bidang lakonan ini?
42. Jika anak-anak encik ingin mengikuti jejak Langkah bapanya untuk memasuki industri lakonan, adakah encik mengizinkannya?

#### **BAHAGIAN 3: PERTANDINGAN**

43. Selain itu, pernahkah encik menyertai apa-apa pertandingan dalam industri seni contohnya semasa belajar?
44. Apakah nama pertandingan tersebut?
45. Bilakah pertandingan tersebut dijalankan?
46. Adakah encik memenangi pertandingan tersebut?
47. Selain pertandingan, pernahkah encik mengadakan persembahan di mana-mana? Mungkin semasa berada di alam persekolahan atau pun university?
48. Bilakah persembahan tersebut dijalankan?

#### **PENGLIBATAN DALAM BIDANG**

49. Sebelum menceburi bidang ini, bidang apakah yang encik ceburi?
50. Bilakah encik mula menceburi bidang seni industri ini?
51. Bagaimanakah encik boleh melibatkan diri dalam industri seni tanahair ini?
52. Bagaimanakah permulaan encik menerima tawaran untuk mengikuti bidang industri seni lakonan?

53. Dimanakah tempat pertama encik menerima tamarin tersebut?
54. Siapakah orang pertama dan bertanggungjawab membawa encik dalam industri seni ini?
55. Siapakah yang menjadi pendorong utama kepada encik ketika encik hendak menceburi bidang ini?
56. Apakah pengalaman encik perolehi sepanjang berada dalam industri seni?
57. Boleh ceritakan sedikit usaha yang telah dilakukan encik untuk bekerja dalam industri seni ini?

#### **PENGLIBATAN LAIN**

58. Adakah encik menceburi industri lain selain daripada industri seni lakonan?
59. Mengapakah encik memilih industri ini menjadi pilihan utama kerjaya?
60. Adakah encik mempunyai bakat lain yang terpendam?
61. Sebelum menceburi bidang lakonan, pekerjaan apa yang encik lakukan?
62. Adakah encik berhasrat untuk menukar bidang lain di masa hadapan?
63. Selain bidang lakonan, pernahkah encik menceburi dalam bidang yang lain seperti nyanyian?

#### **PENGLIBATAN DALAM POLITIK**

64. Kalau tak keberatan, bolehkah kalau encik ceritakan mengenai penglibatan dalam politik?
65. Jika ada, jadi siapakah yang mendorong encik untuk terlibat dalam bidang politik?

#### **BAHAGIAN 4: FILEM ATAU DRAMA**

66. Bolehkah encik ceritakan sedikit tentang filem atau drama pertama encik?
67. Sebelum menerima tawaran, adakah encik perlu melalui fasa ujibakat sebelum mendapat tawaran pertama?
68. Jika ada,apakah pengalaman encik semasa ujibakat?
69. Bagaimana perasaan encik ketika itu?
70. Apakah watak pertama yang encik bawakan pada ketika itu?
71. Siapakah pelakon yang terlibat bersama encik ketika itu?
72. Bagaimanakah perasaan encik ketika pertama kali berada di set penggambaran?
73. Pada ketika itu, adakah filem tersebut mendapat sambutan?
74. Adakah encik masih menerima tawaran berlakon sehingga kini?
75. Apakah rahsia encik untuk kekal cergas di dalam bidang lakonan ini?

#### **PENDEDAHAN TENTANG INDUSTRI**

76. Bolehkah saya tahu, berapa lamakah tempoh sesi penggambaran sesebuah filem itu dijalankan?
77. Antara kesemua drama dan filem yang telah dijalankan , drama dan filem apa yang mendapat sambutan tinggi?
78. Sejak encik menceburi bidang seni ini, pernahkah sesuatu drama itu memberi impak atau pengajaran dalam kehidupan encik.?
79. Apakah nama drama tersebut?
80. Apa kenangan manis yang encik tidak dapat lupakan sehingga sekarang ketika bergelar sebagai seorang pelakon?
81. Encik ada kenangan yang dikongsi Bersama rakan-rakan pelakon?
82. Sekarang kita masuk dalam kenangan pahit pula. Apakah liku-liku kehidupan yang pahit yang pernah encik alami dan tidak dapat dilupakan sehingga sekarang?
83. Bagaimanakah cara encik atasi kenangan-kenangan pahit itu?
84. Adakah encik pernah mempunyai halangan dalam mendalami watak yang ditawarkan?
85. Antara watak-watak yang dibawa, watak apakah yang menjadi kegemaran encik?
86. Berapa lamakah masa yang diambil oleh encik untuk menghafal skrip lakonan?
87. Apakah dugaan yang dihadapi oleh encik apabila melibatkan diri dalam bidang lakonan?

88. Adakah encik berbangga dan berpuas hati dengan tawaran-tawaran yang diberikan sebelum ini?
89. Adakah encik rasa terbeban dengan tanggungjawab dan peranan semasa berada di dalam industri lakonan ini?

#### **ANUGERAH/PENCAPAIAN**

90. Dari segi penganugerahan, bolehkah jika encik berkongsi serba sedikit tentang anugerah yang pernah encik peroleh?
91. Jika dari segi agensi, pernahkah encik mendapat penghargaan atau pengiktirafan?
92. Bolehkah encik ceritakan bagaimana perasaan encik ketika mendapat anugerah tersebut?
93. Sepanjang encik menjadi salah seorang anak seni, apakah sumbangan yang pernah encik sumbangkan ke dalam industry seni?
94. Selain di dalam bidang seni, apakah ada sumbangan lain yang pernah encik sumbangkan?
95. Adakah encik berpuas hati dengan pencapaian encik dari dulu sehingga sekarang?
96. Adakah encik pernah terlibat dalam mana-mana persatuan luar?
97. Bolehkah encik nyatakan satu daripada aktiviti kebajikan atau persatuan tersebut?
98. Apakah yang encik pelajari daripada menyertai aktiviti tersebut?
99. Apakah harapan yang encik belum pernah tercapai?
100. Jadi apakah perancangan encik untuk masa hadapan dalam bidang ini?

## LAMPIRAN 4 — PERJANJIAN SEJARAH LISAN



### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya .....ZULKIFLI BIN ISMAIL..... K/P:..... pada .....25 OGOS  
2022.....dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya  
dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik penyelidik.

.....  
{Nama tokoh: ZULKIFLI BIN ISMAIL } | Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah | Tarikh:  
b.p. Penolong Naib Canselor Pengajian Sains Maklumat

Kolej Pengajian Pengkomputeran Johor Bahru  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

*Gambar 1: Surat Perjanjian Sejarah Lisan*



## LAMPIRAN 5 — GAMBAR



*Gambar 2: Alies dan Najihah bergambar bersama Encik Zulkifli Ismail*



*Gambar 3: Alies Safraa bergambar bersama Encik Zulkifli Ismail sambil memberi sedikit cenderamata*



*Gambar 4: Nur Najihah Solihah bergambar bersama Encik Zulkifli Ismail sambil memberi sedikit cenderamata*



*Gambar 5: Semua yang terlibat bergambar bersama Encik Zulkifli Ismail*

# INDEKS

**A**

Anak 19, 24, 25, 26, 31, 33, 43, 50, 69

Ahli 54,73

**B**

Bahasa 41, 42, 57, 69

Belajar 25, 26, 29, 35, 36, 42, 43, 64, 65

**C**

Cabaran 61

Cerita 23, 32, 36, 40, 44, 48, 51, 52, 53, 65

Covid 34, 70

**H**

Hero 49, 50, 57

Heroin 57

**I**

Ipoh 29, 57, 73

**K**

Kohwi: 25, 26, 32, 41

Kampung 23, 28, 34, 35, 36, 40

Kelantan 23, 45, 47

Kelas 43, 45, 47

Kuala Lumpur 52, 57, 59, 73

**M**

Melayu 23, 28, 29, 41, 42

*Makeup* 60

**N**

*New Straits Time* 57, 74

**S**

Seni 23, 26, 29, 32, 37, 38, 42, 45, 54, 55

*Shooting* 30, 34, 38, 43, 44, 51, 52, 54,58,

59, 60, 61,63, 64

**V**

*Viral* 61